

“SEMBAHYANG fardu lima waktu, sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya dan Ramadan ke Ramadan berikutnya menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan antara masa tersebut seandainya dosa-dosa besar dijauhkannya”.
- Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Muslim dari Abu Hurairah Radiallahuanhu

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 SUBUH 4.55 SYURUK 6.13 DUHA 6.36 ZUHUR 12.21 ASAR 3.31 MAGHRIB 6.27 ISYAK 7.37 Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutona ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 46

15 APRIL 2024 / 5 شوال 1445

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahashunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gouwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Raikan Aidilfitri bersederhana, ikut Sunnah Rasulullah

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. - Aidilfitri sememangnya hari yang sangat istimewa bagi semua umat Islam tidak kira sama ada muda atau tua, miskin atau kaya dan lelaki mahupun perempuan.

Dengan sebab itu, wajarlah kita menyambutnya dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru itu, sebaiknya kita hendaklah mengambil peluang ketika bersama ahli keluarga untuk menghidupkan malam raya Aidilfitri dengan laungan takbir raya walau seketika.

Kita barangkali terlupa bahawasanya bergembira pada malam raya dengan memuja dan memuji kebesaran Ilahi dan bertakbir merupakan dua perkara yang digalakkan selain daripada mengeluarkan zakat fitrah.

Wajarlah kita sebagai umat Islam bergembira dalam meraikan Hari Raya yang hadir selepas kita berjaya mengharungi ujian sepanjang Ramadan.

>> Muka 8

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwat Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman.
- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3).

Kunjungan Hari Raya Aidilfitri ke Kampong Ayer

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. - Menteri, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwat Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman mengadakan kunjungan Hari Raya Aidilfitri ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada hari ini

Kunjungan berkenaan merupakan antara

program daripada lawatan Tuan Yang Terutama ke NBD.

Hadir di Mercu Dirgahayu 60, Bandar Seri Begawan bagi menyambut TYT dalam kunjungan Hari Raya Aidilfitri ke Kampong Ayer berkenaan, Menteri Hal Ehwat Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

>> Muka 4

Menghayati erti Aidilfitri

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 April. - Ketibaan bulan Syawal setentunya memberikan satu impak yang tinggi khususnya bagi mereka yang telah memanfaatkan sepenuhnya kelebihan bulan Ramadan dengan mengamalkan amal ibadat dan melipatgandakan lagi pahala bagi meraih keberkatannya serta sebulan berpuasa.

Justeru menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk menzahirkan kesyukuran di atas segala nikmat yang dikurniakan dengan amalan bertakbir dan bertahmid bagi memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama

PERTUKARAN nama syarikat GBC ke GFC
Muka 5

PASTIKAN kereta dalam keadaan baik
Muka 9

HELP US IMPROVE PUBLIC TOILETS!
Please scan the code below to access the survey form!
BERSAMA menambah baik tandas awam
Muka 11

KEGIGIHAN dua beradik membuat cookies
Muka 19

Lafazkan Alhamdulillah, sebagai tanda syukur kepada Allah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyrafil Musaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,

Walillahlil Hamd.

AIDILFITRI insyaaAllah menjelang lagi, iaitu hari kita bergembira sambil bersyukur kerana berjaya mendepani cabaran berpuasa.

Alhamdulillah kita adalah sama-sama berjaya. Semoga kejayaan ini diterima oleh Allah sebagai ibadat yang diperintahkan-Nya.

Bukan kecil cabaran berpuasa itu. Ia memerlukan kesabaran tingkat tertinggi. Jika

ada kesabaran seperti ini, barulah mudah untuk menghadapi cabaran tersebut.

Beta yakin, rakyat beta yang beragama Islam memahami perkara ini, yang menjadikan mereka tidak ada masalah untuk menyempurnakan ibadat puasa masing-masing.

Sekarang kewajiban kita ialah untuk bersyukur. Semasa berpuasa, manakala kita dikurniakan kesihatan dan rezeki, maka wajiblah dibalas dengan bersyukur.

"Syukur" adalah perkara agung dan mulia. Ia dituntut oleh Allah dengan berjanji, bahawa barang siapa yang mensyukuri nikmat, akan ditambah lagi nikmat itu.

Maksud syukur ialah berterima kasih kepada Allah di atas nikmat-Nya. Caranya ialah dengan memuji-Nya dengan lafaz "Alhamdulillah."

Manakala kita berjaya menyempurnakan ibadat puasa, maka wajarlah bagi kita untuk mengucapkan Alhamdulillah.

Begitu juga kalau badan sihat dan rezeki luas serta dapat menyambut Aidilfitri dengan selesa, maka wajarlah bagi kita untuk melafazkan Alhamdulillah, sebagai pernyataan kita bersyukur atau berterima kasih kepada Allah.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahlil Hamd.

Lafaz "Alhamdulillah" sangat tinggi nilainya. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, maksudnya: "Sekiranya seseorang dari umatku dikurniakan dunia dengan segala isi di dalamnya, kemudian dia mengucapkan 'Alhamdulillah', maka ucapan Alhamdulillah itu adalah lebih utama dari dunia dan segala isinya."

Begitu harga "Alhamdulillah" (ucapan memuji Allah), sebagai tanda kita bersyukur. Selain dari ucapan, perbuatan juga boleh jadi tanda bersyukur, seperti

seseorang yang menunaikan zakat, maka perbuatannya berzakat itu adalah bukti dia bersyukur. Kerana itu Allah akan menggandakan hartanya sebagai balasan dia bersyukur itu.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahlil Hamd.

Mengenai zakat, beta difahamkan bahawa tujuan berzakat itu ialah untuk membersihkan harta.

Harta yang dizakatkan adalah harta berkat. Ia bukan berkurang tetapi bertambah, dan tidak binasa tetapi selamat.

Oleh itu, di samping menunaikan Zakat Fitrah, maka bagi siapa yang mampu, hendaklah bersedia untuk menunaikan Zakat Harta pula.

Zakat adalah wajib setelah genap haul, dan menjadi syarat untuk seseorang diiktiraf sebagai beriman, sebagaimana maksud Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : "Barang siapa (yang mahu digolongkan) sebagai beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia menunaikan zakat hartanya."

Marilah kita sama-sama berazam untuk memenuhi tanggungjawab yang besar ini, demi keselamatan kita di akhirat kelak, dan juga untuk tujuan membantu golongan yang berhak, serta impaknya yang lebih jauh pula ialah untuk menjaga kemakmuran umat dan negara.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada, semoga kita sama-sama beroleh kerahmatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
April MASIHI	HARI	Syawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	ISNIN	5	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
16	SELASA	6	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	RABU	7	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
18	KHAMIS	8	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
19	JUMAAT	9	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27	7.37
20	SABTU	10	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
21	AHAD	11	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C	34 27 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar			
35 26 °C	35 26 °C	35 26 °C	
Pekan Tutong			
34 27 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Kuala Belait			
34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 15 APRIL 2024

Saling bermaafan, jauhi sifat dendam

ALHAMDULILLAH, panjat syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi lagi kesempatan untuk sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal yang penuh berkah dan mulia ini.

Syawal merupakan bulan kita memanjatkan kesyukuran dengan meraikan kemenangan selepas berjaya melawan hawa nafsu di bulan Ramadan.

Hari Raya Aidilfitri sinonim dengan saling bermaaf-maafan sesama insan, melupakan segala sengketa, merapatkan ukhuwah kita tanpa mengira pangkat dan darjat.

Di bulan yang mulia ini, amalan bermaaf-maafan sudah menjadi satu kelaziman dalam jiwa kita sebagai umat Islam.

Memaafkan kesalahan seseorang itu adalah sangat disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan amalan sedemikian adalah tanda kita sebagai orang yang bertakwa.

Hidup bermasyarakat akan terasa aman dan damai jika kita mengamalkan sikap pemaaf dan memahami bahawa manusia tidak lepas daripada salah dan silap.

Agama Islam juga menganjurkan kita untuk berlapang dada dan memberi kemaafan sesama manusia.

Sikap pemaaf Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam patut kita contohi yang mana Baginda tidak pernah berdendam dengan orang suka menyakitinya.

Rasulullah sentiasa berlapang dada dan memaafkan musuh-musuh Islam seperti Abu Jahal, Abu Lahab, Abu Sufyan dan beberapa pemimpin masyarakat musyrikin Mekah pada ketika itu.

Oleh sebab itu, kita hendaklah mencontohi sifat terpuji Rasulullah agar suka memberi maaf kerana ia bukan bererti termasuk dalam golongan yang lemah dan penakut.

Amalan memberi kemaafan ini memberi impak dan kesan yang positif kepada semua orang, malahan ia juga memberi manfaat untuk kesihatan fizikal dan mental.

Dengan sikap berlapang dada ini, sudah tentunya perasaan dendam tidak akan timbul, tetapi menimbulkan perasaan kasih sayang, hormat menghormati sesama insan.

Jika amalan ini dipraktikkan terutamanya sekali dalam situasi pekerjaan, sudah pasti suasana pekerjaan akan harmoni dan sejahtera tanpa ada sebarang gangguan perasaan yang sememangnya mengganggu situasi pekerjaan.

Namun, jika berlakunya perselisihan faham, mestilah dengan segera saling bermaafan agar tidak berlaku sebarang pergaduhan dan permusuhan yang berpanjangan.

Oleh itu, marilah meraikan Hari Raya Aidilfitri ini dengan penuh kesyukuran, kemaafan untuk meraih keberkatan di bulan Syawal yang penuh mulia ini. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندی رین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman (atas dan atas kanan).

Oleh : Khartini Hamir, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman dan rombongan yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama dan rombongan mengadakan lawatan ke negara ini selama lima hari yang bermula pada 11 hingga 15 April 2024 bagi mewakili Kerajaan Republik Singapura untuk meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri, di sini.

Lawatan yang merangkumi kunjungan ke rumah-rumah terbuka ini jelas mencerminkan persahabatan yang istimewa dan unik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik

Singapura sekali gus dapat meningkatkan lagi hubungan sedia ada antara kedua-dua buah negara yang sekian lama terjalin.

Keakraban persahabatan ini telah dapat mengembangkan sumber tenaga manusia di sektor kerajaan serta perekonomian di sektor swasta melalui pelbagai kerjasama dua hala.

Dalam mengukuhkan lagi hubungan, kedua-dua buah negara juga bekerjasama rapat melalui inisiatif-inisiatif di bawah memorandum-memorandum persefahaman.

Di kesempatan ini, TYT menyebarkan sembah ucapan Hari Raya Aidilfitri bagi pihak kerajaan Republik Singapura, ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, pada Majlis Mengadap berasingan yang berlangsung pada sebelah pagi tadi, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung bergambar ramai bersama Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman dan rombongan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) juga berkenan menerima mengadap Menteri, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, TYT Dr. Mohamad

Maliki bin Osman dan rombongan di Qashr Al-Meezan.

Menyertai TYT pada kedua-dua Majlis Mengadap ini ialah Menteri Negara, Pejabat Perdana Menteri, TYT Desmond Tan Kok Ming; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Laurence Bay Siow Hon; dan Ahli Parlimen, Ms.

Yeo Wan Ling.

Juga hadir ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Setiausaha Tetap di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman (kanan dan kanan sekali).

KUNJUNGAN HARI RAYA AIDILFITRI KE KAMPONG AYER



MENTERI, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman semasa mengadakan kunjungan Hari Raya Aidilfitri ke Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa bergambar dengan plak yang ditandatangani bersama TYT Dr. Mohamad Maliki bin Osman.

>> Muka 1

Kunjungan TYT dengan diiringi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berserta rombongan menuju ke kediaman Awang Jolaini bin Haji Alim, salah seorang penduduk Kampung Ayer di Kampung Sungai Pandan 'B'.

Kunjungan bersempena dengan musim keraian Hari Raya Aidilfitri berkenaan mencerminkan keakraban antara kedua-dua buah negara dalam suasana mahabbah sambil menikmati keindahan persekitaran Kampung Ayer dan keramahan masyarakat setempat.

Turut serta dalam rombongan kunjungan berkenaan ialah TYT Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD dan isteri; TYT Minister of State in the Prime Minister's Office

and Deputy Secretary-General of the National Trade Union Congress dan isteri; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-pegawai Daerah; ketua-ketua jabatan, dan pegawai-pegawai kanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terdahulu daripada kunjungan berkenaan, TYT Dr. Mohamad Maliki berkesudian menandatangani plak perasmian Projek Usahasama di antara KHEDN dan Persatuan Singapura di NBD sempena Memperingati 40 Tahun Hubungan Diplomatik di Antara Republik Singapura dan NBD serta menyaksikan video rakaman projek-projek usaha sama di keempat-empat daerah.

Penandatanganan plak berkenaan diadakan ketika TYT

berserta delegasi menelusuri jambatan usaha sama di antara KHEDN dengan Persatuan Singapura di NBD yang juga merupakan antara projek-projek kendalian Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Selain daripada usaha sama yang diungkayahkan berkenaan, projek-projek berterusan yang aktif dikendalikan oleh pihak JDBM pada tahun ini termasuklah menaik taraf jambatan 2 meter (m) x 159m jambatan kayu kepada tiang dan pak konkrit serta lantai kayu dari hadapan rumah No. 762A hingga jeti No.1, Kampung Serdang, Mukim Kota Batu yang siap pada 20 Februari 2024; menaik taraf 100m x 2m jambatan tiang, pak konkrit dan lantai kayu dari jambatan utama hadapan Sekolah Rendah Haji Tarif



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman



hingga hadapan rumah No. 21C, Kampung Tamoi Tengah, Mukim Tamoi yang siap pada 20 Februari 2024; dan kerja-kerja pembaikan, pendawaian elektrik dan mengecat semula jeti No. 17, Kampung Sungai Pandan yang telah siap pada 9 April 2024.

Kunjungan berkenaan diakhiri dengan penyerahan cenderamata daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada TYT Menteri, Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura.

PESAT adakan kunjungan muhibah Hari Raya



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama bergambar ramai semasa menerima kunjungan berhari raya daripada Persatuan Saudara-saudara Baru Temburong (PESAT),

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

LAMBAK, Sabtu, 13 April. – Para saudara baharu digesa untuk menunjukkan akhlak Islam yang baik sebagai panduan dan dakwah kepada ahli-ahli keluarga mereka terutamanya yang belum memeluk agama Islam.

Selaku mualaf, mereka diharap dapat menjadi contoh tauladan

kepada masyarakat sekelilingnya dan persatuan saudara-saudara baharu juga disarankan untuk mempelbagaikan lagi aktiviti mereka di samping sama-sama berusaha membangunkan negara.

Ucapan nasihat berkenaan disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan semasa menerima kunjungan berhari raya daripada Persatuan Saudara-saudara Baru Temburong (PESAT) di kediaman Yang Mulia Pengiran Dato dan Datin, di Kampung Lambak Kanan, di sini.

Menurut Yang Mulia Pengiran Dato, bulan Ramadan setentunya

menjadi cabaran bagi saudara-saudara baharu terutamanya bagi yang baharu memeluk agama Islam, namun beliau percaya, dengan kekuatan dan azam yang kuat sebagai seorang beragama Islam, para saudara baharu dapat menyempurnakan ibadah puasa sepenuhnya.

Yang Mulia Pengiran Dato juga menzahirkan rasa gembira dan berbesar hati dengan kunjungan Hari Raya daripada para saudara baharu berkenaan.

Rombongan yang disertai oleh 41 orang mualaf berkenaan diketuai oleh Yang Di-Pertua PESAT, Awang Muhammad Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok.

Dalam temu bual bersama pihak media, Awang Muhammad Ashim Amrullah mengongsikan, sebagai usaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi ilmu agama bagi kalangan saudara-saudara baharu, antara aktiviti yang dilaksanakan oleh PESAT sepanjang bulan Ramadan ialah bertadarus Al-Quran dan juga menunaikan Sembahyang Tarawih.

Setakat ini tambahnya, PESAT mempunyai hampir 200 orang ahli terdiri daripada para mualaf yang tinggal di beberapa buah kampung sekitar Selapon, Batang Duri dan Temada.

Pada kunjungan berkenaan, para saudara baharu juga disajikan dengan pelbagai hidangan enak juadah Hari Raya.



AWANG Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok semasa ditemu bual.

Kunjungan berhari raya berkenaan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi khususnya bagi mualaf di Daerah Temburong, di samping mengajar para mualaf agar sentiasa menjaga hubungan sesama kita lebih-lebih lagi apabila berada di bulan Syawal.

Majlis seperti berkenaan diharap akan dapat dijadikan satu dakwah kepada para mualaf agar sentiasa menjaga hubungan yang baik sesama manusia dan dapat memberi ruang kepada para mualaf untuk berkongsi sama serta bersemuka dengan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PERTUKARAN NAMA SYARIKAT GBC KE GFC



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Ahad, 14 April. - Green Box Corner (GBC) Give Away Sahur Sengkarai yang diadakan pada bulan Ramadan yang lalu memberi peluang kepada pelanggan-pelanggan GBC untuk memenangi pelbagai hadiah setelah membuat pembelian sebanyak BND5 ke atas semasa Sahur Sengkarai yang lalu. Pengurus Green Fortune Corner

(GFC), Dayang Maslinda binti Ali seterusnya menyatakan Inisiatif ini juga diadakan bagi menarik lebih ramai kunjungan dari orang ramai untuk sama-sama memberikan sokongan kepada peniaga-peniaga tempatan lain yang turut terlibat semasa Sahur Sengkarai diadakan. Perkara tersebut disampaikan oleh Pengurus GFC, Dayang

Maslinda binti Ali pada Majlis Pelancaran Pertukaran Nama Baharu Syarikat Green Box Corner (GBC) ke GFC yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Muhammad Sofian bin Haji Basri. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai



HADIR selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Pertukaran Nama Baharu Syarikat Green Box Corner ke Green Fortune Corner, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Muhammad Sofian bin Haji Basri (kiri dan atas).

dan pegawai kanan kerajaan serta penduduk sekitarnya.

Pada majlis tersebut, seramai 20 pemenang terpilih menerima hadiah GBC Give Away Sahur Sengkarai. GBC Give Away Sahur Sengkarai merupakan gerai *pop up* yang mendapat sambutan yang positif dan memberangsangkan kerana tempatnya yang strategik menghubungkan antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah

Belait.

Dengan akses mudah tersebut, membolehkan para pengunjung untuk singgah membeli makanan dan minuman dari lebih 20 vendor tempatan untuk bersahur sebelum subuh pada bulan Ramadan. Gerai *pop-up* berkenaan dianjurkan oleh peniaga tempatan Aliqompunai dan disokong oleh Majlis Perundingan Kampung Sengkarai.

Menghayati erti Aidilfitri

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Jabatan Penerangan



>> Muka 1

Setentunya mereka akan merindui Ramadan dan meraikan kemenangan di bulan Syawal. Sesungguhnya Aidilfitri adalah hari istimewa. Apa tidaknya dalamnya terkandung pelbagai peristiwa yang amat bermakna iaitu spiritual, sosial, budaya, diri sendiri dan harapan.

Disebut spiritual kerana Aidilfitri adalah tradisi keagamaan. Tradisi ini berakar daripada keyakinan keagamaan yang bukan hasil imaginasi manusia, tetapi ajaran yang memang didasarkan pada perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Manakala sosial, Aidilfitri diraikan setiap masyarakat Islam di mana sahaja mereka berada di seluruh dunia.

Disebut budaya, Aidilfitri adalah ekspresi budaya seperti kebiasaan balik kampung khususnya bagi mereka yang masih mempunyai kampung halaman dan bertemu sanak saudara serta hidangan kuih tradisi sesuai dengan latar belakang budaya masing-masing. Di desa, ada yang memeriahkan lebaran dengan tradisi makan ketupat, tradisi menyalakan pelita atau tradisi kunjung-mengunjungi

dan tradisi lain.

Hakikatnya, sambutan Aidilfitri ialah kemenangan secara batiniah atau rohaniah kepada umat Islam. Justeru, ia harus dibiasakan dalam peningkatan kualiti perilaku, keimanan dan ketakwaan, selain kembali kepada fitrah yang mengandungi pengertian ikatan hamba dengan Tuhan Maha Pencipta dan silaturahmi dengan 'kembali'nya kita kepada keluarga dan sanak saudara.

Di Negara Brunei Darussalam, Hari Raya Aidilfitri diraikan dengan penuh suasana aman dan harmoni serta kita berpeluang meraiikannya bersama keluarga tercinta. Hari Raya hakikatnya adalah hadiah daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi umat Islam yang berjaya mengharungi tempoh sukar dan mencabar di dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan hati yang suci daripada segala kekotoran maksiat dan perasaan yang penuh ikhlas mengharap ganjaran-Nya di akhirat kelak.

Di dalam ajaran Islam, tradisi sambutan hari raya mempunyai matlamat dan falsafah yang tinggi dan mulia, bukan sekadar dihiasi kegembiraan dengan persiapan

BERSAMALAH kita menghayati erti Aidilfitri, hargailah nikmat keamanan, perkukuhkan ikatan ukhuwah dan mentaati ibu bapa serta meningkatkan lagi keimanan kepada Allah (kanan dan kiri).

aneka juadah serta pakaian baharu semata-mata sebagaimana yang difahami oleh sebahagian umat Islam.

Matlamat Hari Raya Aidilfitri adalah untuk mengajak umat Islam kembali menjadi Muslim yang patuh dan taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala di dalam segenap urusan kehidupan sekali gus menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Insan yang berjaya menunaikan perintah ibadah dan melepasi ujian-Nya, wajar bergembira atas nikmat ini sebagai kemuncak ketaatan dan 'ubudiyah kepada Allah



Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, bersama-sama kita menghayati erti Aidilfitri, hargailah nikmat keamanan, perkukuhkan ikatan ukhuwah dan mentaati ibu bapa sebagaimana yang telah

dinyatakan baru-baru ini di dalam khutbah bersempena Hari Raya Aidilfitri, lantas bersama-sama kita menzahirkan kesyukuran dan melafazkan Alhamdulillah di mana lafaz ayat tersebut sangat tinggi nilai di dalamnya.

جائين فرانشيز ايكونومي دان ساتاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL IBRAHIM PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store and Google play

سردار سروي

عمالن زياره-منزيارهي

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن مَنِغْمَكْتَن كَلِمَانَن كَقْدَن.
سسوڭكوهن اورغ يغ فاليع ملبا دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياله اورغ يغ فاليع
بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

شوال تله بيراف هاري كيت راين، كمرياهنن ماسيه لايكي كيت
راسكن دغن عمالن زياره-منزيارهي دان كوئوڭ-مغوئوڭي سانق سودارا،
صحابه هنداي، حيران تنك دغن مغادانن رومه تربوك.

عمالن زياره-منزيارهي دان مغادانن رومه تربوك مقوياءي بايق حكمه
دان كليهن يغ ساعث برمعنى باكي اومت اسلام تراوتام سكاللي دالم
مغوئوڭ دان مرفتكن لايكي ايكن فرساوداران سسام اسلام. اكلام اسلام ميرو
اومتن اكر سنتياس براوسها اونتوق مقربايكي دان مقربايكنن ايكن صله
الرحيم دان اخوه سسام انسان، افاته لايكي سسام اسلام. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
دالم سورة الحجرات آية ١٠:

تفسير:

سسوڭكوهن اورغ-اورغ برلمان ايت برسودارا، مك داميكنله انتارا دوا
سودارا كامو (يغ برتليغه) ايت بر تقوى له كقد الله سوفاي كامو براوليه
رحمة.

جماعه يغ درحمي الله،

برزياره اداله عمالن يغ دتونوت ددالم اكلام اسلام يغ قاتوت كيت
قليهارا دان هيدوفكن. اين كران، عمالن اين مقوياءي فضيلة دان كليهن.
رسول الله ﷺ دالم حديث بكندا اد ميوتكن فرحال كليهن اتاوقون
فضيلة زياره. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ اي بركات، رسول الله ﷺ
برسيدا: مَنْ عَادَ مَرِيضًا أَوْ زَارَ أَخًا لَهُ فِي اللَّهِ، نَادَاهُ مُنَادٍ أَنْ طَبِّبْ وَطَابَ
مَشَاكُ وَتَبَوَّاتٍ مِنَ الْجَنَّةِ مِثْلًا.

مقصودن:

بارغسياف منزيارهي اورغ ساكيت اتاو منزيارهي سوداران سسام اسلام
سمات-مات اونتوق منداقتن كريضان الله، نسجاي ملائكة اكن مندعاءكنن
دغن بركات: اڭكاو تله مندافت كبايكن هيدوف (ددنيا دان داخيرة)، دان
اڭكاو تله منمكتن اتاو مدياكن باكي ديرمو ساتو مرتبت يغ تيغكي دشرک.
{حديث رواية إمام ترمذي}

سسوڭكوهن عمالن زياره-منزيارهي اتاو كوئوڭ مغوئوڭي ميري
منفعة يغ امت بسر، عمالن زياره-منزيارهي مبوليكن هوبوڭن يغ جاوه
منجادي دكت، يغ رڭكڭ منجادي رافت، يغ برسڭكيتا منجادي دامي دان
سباكين. مك دغن عمالن زياره اكن تربتوقله ساتو ايكن كاسيه ساين يغ
دافت مغايرتكن سسام انسان سرت مغايرتكن هوبوڭن صله الرحيم. دغن

هوبوڭن صله الرحيم اين، كيت اكن دافت ساليغ كتل-مغناي انتارا ساتو سام
لاين، حرمت-مغرمي، ساليغ كرجاسام دان فهم-مهمي سسام كيت.

دالم قد ايت، اكلام اسلام تله مڭكاريسكن بيراف فراتون دان ادب
كتيك كيت بر كوئوڭ. انتاران اياله:

قرتام: ميري سلام دان مبيتا اذن تربليه دهولو سيلوم ماسوق كرومه يغ هندق
دزيارهي .

كدوا: مغتوق فينتو اتاو مبوليكن لوجيغ رومه دغن فرلاهن سكيلا-كيلا بوليه
ددغر اوليه توان رومه اتاو قڭهوني رومه .

كتيك: هندقله مفر كنلكن ديري سيلوم ماسوق.

قرلو داڭت، باكي مريك يغ هندق قركي برزياره اكر ممليه ماس دان
وقتو يغ سسوي اونتوق بر كوئوڭ. سسوڭكوهن فمليهن وقتو برزياره يغ
برسسويان اين دافت ميري قلوڭ كقد توان اتاو قڭهوني رومه ترسبوت
برسيدا منريما قوئوڭ دغن سليسا.

جماعه يغ درحمي الله،

سباكيما لازيمن دنكارا كيت، سمبوتن هاري راي داداكن دالم قلباكي
بنتوق مجلس سقرتي مغادانن رومه تربوك. عمالن اين اداله عمالن يغ
بركبايغن كران بوليه مغايرتكن هوبوڭن صله الرحيم دان بوليه مڭهميقتن
سودارا مارا يغ جاوه دان يغ دكت. والاو باكيماقتن، مغادانن رومه تربوك
اين بوكتله منجادي ساتو كوايغن سڭيڭ ممبكن، دان هندقله داداكن
مڭيكت كممشوان ماسيغ-ماسيغ.

اڭنله، اف يغ فتنيغ مجلس ترسبوت هندقله مڭيكت لونس اجارن اكلام
اسلام دان تيدق دڭمفور ادوقكن انتارا يغ حق دغن يغ باطيل سقرتي فركاوون
بييس دان برسلامن انتارا لالاكي دان قرمشوان يغ بوكن محرام دان برسوك ريا
تنقا باتس.

اخيرن، سام-سامله كيت منجاك كسوچين عيدالفطري دغن سنتياس
منجاك ادب دان تيغكه لاکو دالم مرايكن هاري راي يغ ملبا اين. كيت بردعاء
سموك هاري راي اين اكن دافت مغايرتكن لايكي هوبوڭن صله الرحيم سسام
كيت. موده-مودهن اف يغ كيت لاکوكن دهاري راي اين اكن مندافت
كريضان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسير:

دان جاغلله كامو جڭفور ادوقكن يغ حق دغن يغ باطيل دان جاغلله
كامو سمبوليكن يغ حق سداغ كامو مڭتهوين. {سورة البقرة آية: ٤٢}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا
تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُؤَزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ
التَّائِبِينَ.

SUASANA HARI RAYA DI PERANTAUAN TETAP MERIAH



Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Pg. Hartini
Pg. Haji Tahir

Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Serbini bin Haji Ali.

"Untuk raya tahun ini, saya berkesempatan memasak pengat durian bersama pulut nasi dan mantaw (roti). Pertama kali mencubanya dan ia berhasil," kata Pengiran Hartini lagi.

Apabila ditanya mengenai adakah ada membuat panggilan video bersama keluarga yang berada di NBD pada pagi Hari Raya, beliau menerangkan bahawa panggilan video amat sukar dibuat memandangkan perbezaan jam, iaitu jarak 12 jam.

Panggilan video tambahnya, dibuat bersama dengan mertua pada malam pertama Hari Raya, iaitu jam 9.00 malam waktu di AS sementara jam 9.00 pagi waktu di NBD.

Mengenai dengan suasana sambutan Hari Raya di perantauan, beliau menjelaskan pertama kali menyambut Hari Raya memang terasa sedih kerana tidak sama dengan suasana di NBD.

"Akan tetapi pada tahun ini, Alhamdulillah sudah menjadi kebiasaan dan suasana juga meriah di pagi raya dengan sibuk membuat persiapan masakan untuk dibawa ke rumah Tuan Yang Terutama.

"Di kediaman TYT, sambutan sangat meriah dan kami berkesempatan berjumpa dengan warga NBD yang lain yang bertugas dan menetap di sini.

"Kami juga dapat meluangkan masa yang lama di sana dan juga beramah mesra," ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai perbezaan yang dapat dirasakan jika dibandingkan dengan beraya di NBD. Pengiran Hartini menjelaskan, perbezaannya sangat signifikan kerana suasana Hari Raya memang tidak sama.

Tambahnya, untuk memeriahkan suasana, kami memasang lagu atau muzik raya.

"Disebabkan bukan waktu musim cuti sekolah, di sini hanya sehari sahaja sambutan raya bersama keluarga

"Memandangkan kanak-kanak bersekolah, sambutan rumah terbuka hanya diadakan pada hujung minggu sahaja.

"Kebetulan juga ketika ini cuti sekolah *spring break* baharu saja bermula, jadi kebanyakan keluarga menggunakan masa ini membawa kanak-kanak bercuti," ujarnya lagi.

SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri tetap disambut dengan meriah walaupun berada di perantauan bersama kaum keluarga dan rakan-rakan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. - Hari Raya Aidilfitri disambut dengan meriah walaupun tidak berada di Negara Brunei Darussalam kerana berada di perantauan.

Sempena Hari Raya Aidilfitri ini, Pelita Brunei menemu bual Pengiran Hartini binti Pengiran Haji Tahir, isteri kepada Defence Attache

di Amerika Syarikat (AS).

Pengiran Hartini menjelaskan, persiapan yang dibuat ketika berada di perantauan, iaitu di AS adalah lebih kepada sambutan Ramadan.

Untuk memeriahkan bulan Ramadan katanya, dalam dan luar rumah dihiasi dengan lampu-lampu hiasan.

Di dalam rumah ujanjarnya lagi, di pasang dengan lampu *fairy lights* dan mereka juga turut meletakkan hiasan.

Tambahnya, setiap kali waktu berbuka, mereka gemar menghias meja yang berbeza-beza.

Sementara itu tambahanya, untuk

Hari Raya pula tidak berapa banyak persiapan dibuat, akan tetapi antara persediaan yang dibuat ialah menyediakan hadiah-hadiah untuk anak-anak yang bekerja keras berpuasa dan beramal di bulan Ramadan

Itu katanya, untuk memupuk dan menggalakkan anak-anak berasa bersyukur dan gembira menyambut Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri supaya mereka merasakan betapa istimewanya Hari Raya ini.

Seterusnya Pengiran Hartini menjelaskan, memandangkan mereka pulang ke Negara Brunei Darussalam pada tahun lepas, anak-anak masih dapat menggunakan baju Melayu yang lama.

Di AS katanya, kebanyakan orang memakai baju gamis atau jubah.

Tambahnya lagi, berbeza budaya di NBD ialah memakai baju tradisi baju kurung dan baju cara Melayu.

Beliau seterusnya berkata, pada malam raya pula, mereka sibuk dengan bertakbir dan membuat persiapan makanan untuk dimasak dan dibawa ke rumah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke AS,

PENGIRAN Hartini binti Pengiran Haji Tahir bersama suami berkongsi pengalaman meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri di perantauan.



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



RAIKAN AIDILFITRI BERSEDERHANA, IKUT SUNNAH RASULULLAH



DALAM kita bergembira, jangan lupa berdoa untuk mereka yang telah tiada seperti ibu bapa, saudara mara, sahabat handai yang sudah pergi meninggalkan kita (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Namun, sebagai seorang manusia yang sering lupa dan lalai, kadang-kala kegembiraan itu disambut dalam keadaan melampaui batas syarak serta tidak menggambarkan nilai murni seorang Islam.

Justeru, Islam menganjurkan kita bersederhana dalam menzahirkan kegembiraan ketika menyambut Aidilfitri semata-mata untuk mendapatkan keredaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi mengelak kita terlampau ghairah dalam menyambutnya, kita disunatkan untuk bertahmid, bertasbih dan memperbanyakkan

bertakbir pada pagi 1 Syawal yang mulia.

Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam meraikan Aidilfitri dengan penuh rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Walaupun diriwayatkan Baginda berasa sedih di atas pemergian Ramadan tetapi Aidilfitri tetap disambut dengan rasa syukur dan gembira kerana ia adalah satu kemenangan kepada seluruh umat Islam.

Kegembiraan adalah fitrah semula jadi yang ada dalam diri manusia itu lebih-lebih lagi dalam meraikan Aidilfitri yang memberikan satu perasaan berbeza kepada setiap orang Islam.

Melalui sambutan ini juga, hubungan sesama manusia akan wujud, walaupun mungkin ada dalam kalangan mereka yang bergaduh dan tidak baik antara satu sama lain sebelum ini tetapi kerana nilai yang ada dalam Aidilfitri itu, hubungan mereka dapat dipelihara dan tali silaturahim itu dapat dikekalkan.

Silaturahim harus dikekalkan dan dipelihara oleh setiap umat Islam, ia bukan sahaja ketika menyambut Aidilfitri tetapi perlulah dijaga setiap masa terutama sekali di antara ibu bapa dan anak-anak, adik-beradik, saudara-mara dan rakan-rakan.

Jika hubungan ini dijaga dengan sebaiknya maka, ikatan silaturahim yang terbina di antara satu sama lain akan kekal dan mungkin akan lebih kukuh berbanding sebelum ini.

Memelihara hubungan ini adalah perkara yang sangat diutamakan dalam Islam apatah lagi ketika menyambut Hari Raya ini.

Selain itu, dalam kita bergembira di Aidilfitri jangan lupa berdoa untuk mereka yang telah tiada seperti ibu bapa, saudara mara,



sahabat handai yang sudah pergi meninggalkan kita.

Mungkin bagi sesetengah orang, meraikan Aidilfitri tanpa mereka yang tersayang agak janggal dan lain. Sudah pasti pagi Syawal menjadi sayu dan pilu kerana ketiadaan mereka-mereka yang

sudah pergi.

Kita juga sebolehnya jangan lupa untuk menitipkan doa kepada saudara-mara kita di Palestin yang sedang diuji dengan derita, dizalimi dan dihalau dari tanah air sendiri sejak enam bulan lalu, sedangkan kita bergembira meraikan Aidilfitri.

Puasa enam penuh hikmah, manfaat



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. – Mengerjakan puasa enam di bulan Syawal adalah satu amalan sunat yang dianjurkan oleh Islam.

Puasa ini bukanlah suatu perkara

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Alishahrin Haji Mumin

yang dihukumkan wajib dan Islam menggalakkan umatnya untuk menunaikan puasa enam hari di bulan Syawal kerana barang siapa yang mengerjakannya sudah pasti akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Umat Islam mula melaksanakan puasa enam pada 2 Syawal kerana pada 1 Syawal, kita akan meraikan Hari Raya Aidilfitri juga sebagai hari kemenangan umat Islam setelah berpuasa selama satu bulan pada bulan Ramadan.

Antara hikmah dan manfaat puasa enam hari di bulan Syawal ialah sebagai pelengkap dan penyempurna pahala dari puasa setahun penuh, setelah menunaikan puasa Ramadan.

Untuk menutupi kekurangan

puasa wajib pada bulan Ramadan, sebab puasa yang kita lakukan pada bulan Ramadan pasti tidak terlepas dari kekurangan atau dosa yang dapat mengurangi keutamaannya.

Melaksanakan puasa enam tidak seharusnya dijadikan alasan

untuk tidak menghadiri rumah terbuka Hari Raya namun harus hukumnya jika seseorang itu berbuka agar tidak membuat tuan rumah rasa tersinggung dengan makanan yang dihidangkan tidak dimakan.

Dalam masa yang sama perbuatan wajib terlebih dahulu diutamakan seperti solat fardu lima waktu.



MENGERJAKAN puasa enam di bulan Syawal adalah satu amalan sunat yang dianjurkan oleh Islam dan setentunya amalan di bulan Ramadan diteruskan dan dipergiatkan lagi di bulan seterusnya (atas kiri dan kiri).



جائتین قرآنخون ایکنومی دان ستاتیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

“buleh percaya kan tu?”

“mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?”

“ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?”

“iawah? banar kan tawarannya ani?”

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

KEUNIKAN 'PROPS' RAKAMKAN MOMEN AIDILFITRI TERSENDIRI



PROPS booth raya memberi momen kemeriahan bagi sambutan Hari Raya bersama keluarga (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 April. - Saban tahun menjelang Aidilfitri pasti akan melakarkan memori yang setentunya terpahat dalam diari kehidupan sebagai ristaan kenangan pada masa mendatang. Perubahan dalam transformasi

dunia moden terus berkembang serta dimanfaatkan sehingga seakan menjadi satu trend yang mempengaruhi masyarakat kita antaranya penyediaan satu sudut untuk mengambil gambar.

Booth raya tersebut direka dengan pelbagai *design* termasuk membuat gerbang raya, hiasan dekorasi kampung, moden yang bergemerlapan dengan lampu cucul beraneka warna-warni serta tidak kurang dengan *props* yang menambahkan lagi seri hiasan. Tuan rumah setentunya sudah merancang untuk perhiasan yang akan dipilih seperti tema kampung, *glamorous*, *retro* dan sebagainya.

Manakala tetamu yang datang pastinya tidak akan melepaskan peluang untuk merakamkan satu kenangan berswafoto dan bergambar di *booth* raya berkenaan dan akan memuat naik momen kemeriahan berkenaan di media sosial masing-masing.

Begitulah golongan anak muda kita sekarang yang tidak mahu ketinggalan trend atau apa juga yang *viral* dalam meraih *viewers*, *like* dan sebagainya agar *trending* ke dunia siber sekarang.

Meskipun teruja dan ghairah dengan meraikan Hari Lebaran,




Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Nornasyirah Haji Nordin

beberapa aspek juga perlu diambil kira antaranya tujuan Aidilfitri itu sendiri di samping, jangan sampai berlakunya pembaziran

dengan berbelanja melebihi had kemampuan serta wajar menjaga adab dan batas-batas yang dilarang dalam Islam.

Pastikan kereta dalam keadaan baik



MEMERIKSA dan menyelenggara kereta perlu dilakukan sebelum memulakan perjalanan bagi memastikan keselamatan ketika memandu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. - Apabila menjelang musim percutian Hari Raya Aidilfitri, pasti ramai kalangan keluarga yang sudah merancang untuk pulang ke kampung halaman atau membuat perjalanan jauh demi untuk mengunjungi sanak saudara yang berada di luar negara mahupun di luar daerah di negara ini.

Justeru untuk memastikan perjalanan kita sentiasa selamat dan selesa, lebih-lebih lagi apabila memandu kereta sambil membawa ramai ahli keluarga maka adalah penting untuk kita memastikan kereta kita berada dalam keadaan yang optimum.

Adalah disarankan untuk memeriksa dan menyelenggara kereta sebelum memulakan perjalanan. Ini bertujuan untuk memastikan perjalanan yang akan ditempuh lebih selamat dan selesa tanpa sebarang masalah mekanikal seperti kerosakan enjin atau enjin kereta *overheat*, tayar pecah atau bocor dan sebagainya.

Penyelenggaraan kereta perlu dibuat sekurang-kurangnya satu minggu sebelum menjelang lebaran atau sebelum melakukan mana-mana perjalanan jauh, ini

bagi memudahkan kita untuk mendapatkan slot pemeriksaan kenderaan dan tempoh masa yang berpatutan bagi membaiki pulih kenderaan.

Antara yang pertama sekali diutamakan ialah menukar minyak hitam kereta, jangan tunggu tarikh penyelenggaraan jika merancang hendak mengadakan perjalanan jauh, sebaiknya tukarlah minyak hitam kereta awda sepenuhnya dan gantikan penapis minyak hitam bagi menjamin kebersihan enjin kereta, selain dapat mengoptimumkan kecekapan dan meningkatkan prestasi keseluruhan enjin kereta.

Periksa juga tahap cecair kereta yang lain seperti minyak pelincir, cecair penyejuk, cecair brek dan sebagainya untuk berfungsi dengan optimum. Dengan memastikan tahap cecair yang mencukupi pada setiap komponen penting dalam kereta dapat mengurangkan risiko kereta rosak secara tiba-tiba yang berpotensi menyebabkan kemalangan.

Antara komponen kereta yang memerlukan pemeriksaan tahap cecair untuk perjalanan jauh ialah Kotak gear – Untuk pastikan

lakukan pemeriksaan sama seperti awda memeriksa paras minyak hitam kereta; Radiator – Komponen ini menempatkan cecair penyejuk yang berfungsi menyejukkan enjin kereta awda terutamanya semasa pemanduan jarak jauh untuk jangka masa yang lama; Brek – Sistem brek kereta memerlukan minyak brek yang mencukupi supaya brek boleh beroperasi dengan selamat; dan Stereng – Cecair stereng kuasa atau *power steering* perlulah cukup agar awda boleh mengendalikan kereta dengan lancar.

Di samping itu, ramai dalam kalangan pemilik kenderaan memandang ringan aspek penjagaan tayar kereta. Tayar kereta merupakan salah satu komponen penting kereta yang bersentuhan dengan permukaan jalan raya. Ini bermaksud sebarang kerosakan pada permukaan atau dinding tayar boleh memberi kesan yang ketara terhadap keselesaan dan keselamatan semasa pemanduan.

Keadaan tayar yang tidak sempurna seperti tayar bengkak atau bunga tayar haus juga boleh mendatangkan bahaya dan mengganggu pemanduan awda lebih-lebih lagi semasa hujan, malah tayar bengkak atau bunga tayar haus juga meningkatkan risiko tayar pancit atau pecah semasa memandu.

Adalah penting juga untuk kita memastikan semua lampu kereta termasuk signal kereta menyala dan berada dalam keadaan baik. Lampu kereta yang berada dalam keadaan baik, terang, dan tidak rosak dapat membantu awda melihat dengan jelas selain memudahkan pemandu kenderaan lain melihat kereta awda dengan lebih jelas terutamanya pada waktu malam dan ketika hujan.

Perkara lain yang mustahak ialah untuk memeriksa bateri kereta awda sama ada ia masih lagi berada dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan. Kebiasaannya bateri kereta ada dua jenis iaitu bateri sel kering (tidak memerlukan penyelenggaraan) dan bateri jenis sel basah (memerlukan

pengisian semula air bateri jika air bateri berada di bawah paras minimum).

Selain itu juga, sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini semasa dalam perjalanan, kit kecemasan juga sangat diperlukan untuk perjalanan jauh. Kereta awda perlu dilengkapi dengan peralatan yang boleh membantu awda sekiranya berlaku insiden yang tidak diingini seperti tayar pancit atau kereta tak boleh *start* tiba-tiba.

Antara barang-barang yang wajib ada dalam kit kecemasan ialah seperti First-Aid kit; peralatan untuk menukar tayar ganti termasuk

jack kereta; pemutar skru; spanar pelbagai saiz; dan peralatan lain yang diperlukan seperti kabel *jumper*; lampu suluh; alat pengecas; dan baju hujan.

Dan terakhir, kita hendaklah sentiasa memastikan kebersihan kereta terjaga sama ada bahagian dalam kereta mahupun luar kereta, ia perlu dibersihkan terutama jika terdapat sisa makanan tumpah pada lantai dan kerusi kereta bagi mengelakkan didatangi serangga sehingga bersarang di dalam kereta dan kebanyakan sisa makanan atau air yang tumpah ini akan menyebabkan kereta berbau busuk dan hapak.

Undi, pilih calon Ketua Kampung

■ Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Mukim Mentiri serta penduduk-penduduk Kampung Masin, Mukim Pengkalan Batu bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 3, RPN Panchor, Mukim Mentiri akan diadakan pada Ahad, 28 April 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Taman Riadah Bukit Mengkubau, Mukim Mentiri.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 3, RPN Panchor, Mukim Mentiri akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 28 April 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 26 hingga 28 April 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 3, RPN Panchor, Mukim Mentiri yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 28 April 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 25 April 2024, pada jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Kawasan 3, RPN Panchor, Mukim Mentiri untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

TINGKATKAN KESELAMATAN SEMASA MUSIM PERAYAAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Jabatan Penerangan

MENTIRI, Ahad, 14 April. - Isu keselamatan rumah dan jalan raya ialah isu yang amat penting terutamanya ketika musim perayaan. Musim perayaan memberi peluang kepada individu untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan melalui amalan ziarah menziarahi.

Setentunya, amalan ini membawa kegembiraan dan keceriaan kepada masyarakat, namun menyebabkan peningkatan trafik dan aktiviti perjalanan lebih tinggi di jalan raya berbanding luar musim perayaan.

Oleh yang demikian, keadaan keselamatan jalan raya semasa musim perayaan sering kali menjadi perhatian utama kerana risiko pengguna jalan raya terlibat dalam kemalangan adalah lebih tinggi.

Sehubungan dengan ini, bersempena musim perayaan Aidilfitri ini, sikap pemandu yang berhemah merupakan salah satu usaha yang penting untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dan menjadikan perjalanan masa musim perayaan lebih selamat.

Bagi memastikan pengguna jalan raya tiba dengan selamat ke destinasi masing-masing, beberapa sikap yang baik untuk dicontohi pemandu boleh diamalkan sebelum dan semasa perjalanan. Memeriksa kenderaan sebelum memulakan perjalanan adalah amalan yang bijak.

Apabila memandu ke destinasi yang dituju, para pemandu disarankan supaya memastikan pemandu dan penumpang akan

menggunakan tali pinggang keselamatan dan tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Sentiasa bertolak ansur dengan pengguna jalan raya yang lain dan tidak memandu hingga mengakibatkan kemalangan yang boleh memudaratkan diri, keluarga dan orang lain.

Para pengguna jalan raya juga diingatkan supaya sentiasa memastikan kenderaan dalam keadaan selamat untuk dipandu, menjaga jarak kenderaan dengan kenderaan di hadapan; tidak memandu kenderaan dalam keadaan keletihan dan mengantuk; tidak membenarkan mereka yang di bawah umur untuk memandu kenderaan; merancang destinasi perjalanan awda dengan teratur dan tidak tergesa-gesa serta mematuhi segala arahan dan berwaspada pada amaran papan tanda keselamatan di jalan raya.

Menyentuh mengenai isu keselamatan rumah pula, adalah disarankan untuk memastikan supaya sentiasa berhati-hati apabila meninggalkan rumah bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kecurian dan kebakaran serta meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan terutama sekali semasa hendak meninggalkan rumah.

Awang Mohd. Saifol Hazmi bin Haji Rosman dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau ketika ditemui menyarankan supaya orang ramai termasuk dirinya untuk memastikan pagar, pintu dan jendela rumah sentiasa dipastikan tertutup dan dikunci dengan kunci yang kukuh



PARA pengguna jalan raya diingatkan supaya sentiasa memastikan menjaga jarak kenderaan dengan kenderaan di hadapan dan tidak memandu kenderaan dalam keadaan keletihan atau mengantuk khususnya dalam musim perayaan ini.

selain tidak membiarkan barang-barang berharga di luar kawasan rumah yang boleh menjadi daya tarikan kepada penjenayah.

Segala wang, barang-barang kemas dan barang-barang bernilai pula hendaklah disimpan di tempat-tempat yang difikirkan selamat.

"Kita perlu memastikan bahawa kita dalam keadaan sihat dan fokus semasa memandu, dan tidak membiarkan perkara lain mengganggu konsentrasi kita semasa memandu. Sebagai pengguna jalan raya, kita perlu

bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan jalan raya kita dan orang lain.

"Dengan mematuhi strategi pencegahan yang disebutkan, kita semua mampu memastikan bahawa musim perayaan menjadi lebih selamat dan sampai ke destinasi masing-masing untuk berjumpa dengan keluarga yang tersayang," ujar beliau.

Selain turut memastikan agar lampu di luar rumah sebolehnya hendaklah dinyalakan pada waktu malam terutama

sekali di tempat-tempat yang senang dilihat, serta memastikan keadaan rumah dalam keadaan selamat serta mematikan kepala gas semasa meninggalkan rumah dalam keadaan jangka masa yang panjang.

Manakala bagi mereka yang berhasrat hendak keluar negara adalah dinasihatkan supaya memaklumkan kepada keluarga terdekat atau jiran yang berhampiran untuk memata-matai rumah dan sekitar kawasan luar rumah.



SYARIKAT catering akan menyediakan pelbagai menu masakan bagi tempahan catering yang sudah menjadi kebiasaan di negara ini apabila tiba Hari Raya atau majlis-majlis keramaian (atas dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 April. - Walaupun Syawal sudah memasuki hari keempat, namun suasana Hari Raya Aidilfitri tetap disambut dalam suasana meriah dan gembira.

Seperti lazimnya, umat Islam di negara ini meraikan sambutan berkenaan dengan mengadakan

kunjung-mengunjungi ke rumah sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai untuk bermaaf-maafan dan bersalam-salaman di hari yang penuh mulia ini.

Dengan demikian, bukan sahaja dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini malahan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara keluarga yang jauh dan dekat.

Justeru itu, pelbagai hidangan

Perkhidmatan catering pilihan untuk Rumah Terbuka

Hari Raya seperti biskut, Kuih Mor, Kek Batik, Kek Tapak Kuda, Jagus, Serunding dan lainnya disajikan untuk hidangan bagi tetamu yang hadir.

Bahkan, ada juga mengadakan Rumah Terbuka buat ahli keluarga dan sesiapa juga yang bertandang dengan menyajikan hidangan yang dimasak sendiri atau catering.

Di Negara Brunei Darussalam, tempahan catering sangat popular lebih-lebih lagi pada musim Hari Raya.

Tempahan catering sudah menjadi kebiasaan di negara ini apabila tiba Hari Raya atau majlis-majlis keramaian.

Syarikat-syarikat atau restoran-restoran yang ada menawarkan perkhidmatan catering menyediakan tempahan dengan harga yang berpatutan mengikut menu masakan yang dipilih pada musim Hari Raya.

Sesetengah catering menyediakan pelbagai menu masakan seperti masakan tradisi, masakan kampung dan juga masakan barat bagi membolehkan

pelanggan untuk memilih mengikut cita rasa masing-masing.

Masakan yang sering digemari ialah Masakan Rendang, Masak Merah, Buttermik Chicken, Masakan Masam Manis, Masakan Telur Masin dan pelbagai macam

rasa lagi.

Oleh yang demikian, para pelanggan juga diingatkan untuk membuat tempahan lebih awal sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mengelakkan tempahan tidak diterima kerana slot sudah penuh.



Kaji selidik maklum balas audiens Segmen Raudhah Hati

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 April. – Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan sedang menjalankan kaji selidik maklum balas audiens bagi Segmen Raudhah Hati di Rancangan Rampai Pagi.

Segmen Raudhah Hati ini disampaikan oleh kaunselor-kaunselor dari Bahagian Perkhidmatan Kaunseling (BPK), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan membawakan tajuk-tajuk yang menentengahkan mengenai ketenangan, kesejahteraan hati, minda dan kehidupan.

Selain itu, ia juga menentengahkan mengenai motivasi dan bagaimana cara-cara menangani tekanan kerja

seperti kebimbangan, kemurungan dan juga tekanan (stres) di mana ia boleh menjejaskan dan mempengaruhi keperibadian seseorang itu.

Segmen Raudhah Hati ini bersiaran langsung di dalam Program Rampai Pagi sebulan sekali iaitu pada setiap Sabtu, minggu ketiga bermula pada pukul 8.40 pagi.

Oleh yang demikian, kaji selidik ini diadakan bertujuan untuk mengetahui demografi dan sambutan Segmen Raudhah Hati yang bersiaran langsung di Rancangan Rampai Pagi dan juga bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas audiens mengenai keberkesanan dan pencapaian termasuk usefulness Sesi

Wawancara di Segmen Raudhah Hati.

Akhir sekali, kaji selidik ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas penonton mengenai subjek atau tajuk yang boleh dibawa dan seterusnya diketengahkan dalam segmen ini.

Sehubungan itu, memohon kerjasama bagi semua warga perkhidmatan awam untuk ikut serta dalam kaji selidik tersebut dengan mengimbas Kod QR yang disediakan pada infografik atau melalui pautan ini iaitu <https://www.surveymonkey.com/r/segmenraudhahhati>.

Tempoh bagi menjawab kaji selidik ini adalah sehingga 19 April 2024 dan bagi sebarang pertanyaan lanjut, warga perkhidmatan awam boleh mengirimkan e-mel kepada nurhidayah.arudin@rtb.gov.bn.

BERSAMA MENAMBAH BAIK TANDAS AWAM

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 April. - Tanggungjawab menjaga kebersihan tandas awam bukan hanya terletak pada pihak berkuasa atau kontraktor

pembersihan sebaliknya semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan negara sentiasa dalam keadaan bersih dan indah.

Sehubungan itu, dalam sama-

sama menambah baik lagi tandas awam, Pihak Jawatankuasa Kebersihan Tandas Kerajaan dan Swasta (JKTKS) ingin menjemput orang ramai untuk menyertai kaji selidik mengenai tandas awam di Negara Brunei Darussalam.

Kaji selidik ini bertujuan untuk mengumpulkan maklum balas daripada orang ramai bagi memahami dengan lebih lanjut keadaan semasa kemudahan tandas awam di negara ini dan mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan.

Daripada hasil kaji selidik ini nanti, ia akan dapat diguna pakai bagi mengenal pasti faktor-faktor penyelenggaraan dan menambahbaikkan tandas-tandas awam dan seterusnya mengenal pasti lokasi-lokasi bagi penyediaan tandas awam yang baharu.

Akhir sekali, hasil daripada kaji selidik ini juga nanti akan diguna pakai bagi memastikan tandas awam akan sentiasa memenuhi keperluan yang diperlukan khususnya dalam menjaga kesejahteraan awam yang ingin menggunakannya.

Kaji selidik ini dibukakan kepada orang ramai bermula pada 1 April lalu sehingga 31 April ini dan boleh dilayari melalui Kod QR yang disediakan pada infografik atau melalui pautan <https://forms.gle/qWTHNAPLcdTgEX3a6>.

Semua maklumat dan maklumbalas yang diberikan adalah dianggap sulit dan hanya akan digunakan untuk tujuan kaji selidik ini sahaja dan bagi yang ingin membuat sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghantar e-mel ke alamat standards.bruneitourism@gmail.com.

KAJI SELIDIK MAKLUMBALAS AUDIENS SEGMENT RAUDHAH HATI
DI RANCANGAN RAMPAI PAGI

Bagi menyertai kaji selidik ini, sila layari link atau kod QR berikut:

SCAN ME

<https://www.surveymonkey.com/r/segmenraudhahhati>

Awas! Jalan Licin Di hadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

Bantu kesan warga emas keluar dari rumah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang lelaki warga emas, Abdul Razzaq bin Abdullah, 86 tahun, warganegara tempatan yang dilaporkan keluar dari rumah dan sehingga kini belum balik.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki warga emas berkenaan diminta menghubungi Balai Polis Bandar Seri Begawan, menerusi talian +673 2242334 atau melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.



ABDUL Razzaq bin Abdullah, 86 tahun, warganegara tempatan.

HELP US IMPROVE PUBLIC TOILETS!

Please scan the code below to access the survey form!

BAHASA MELAYU ENGLISH

Survey is open to public from 1st April to 31st April 2024

For any inquiries, questions, or concerns, please feel free to reach out to us via email at standards.bruneitourism@gmail.com

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَّى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cururan air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cururan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Iklan Jawatan Kosong

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Pembantu Perpustakaan Tingkat II

Tangga Gaji :
D.1-2 EB.3
[BND530 - BND1,125]

Kekosongan :
3 Orang

Menghadapkan Borang Permohonan

Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapi permohonan melalui pautan ini: <https://bit.ly/UBDPPTII2024> Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 28 April 2024.

Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapi permohonan melalui pautan: <https://bit.ly/UBDPPTII2024>. Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 28 April 2024.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GRU / 001(FM) [JPPK/LTN/16/2023]
Five (5) Years Term Contract For The Facilities Management And Maintenance Of Sungai Akar Camp And Associated Facilities, Gurkha Reserve Unit, Ministry Of Defence, Brunei Darussalam

Kelas :
V dan Ke Atas Sahaja

Kategori :
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Lima (5) Tahun

Yuran Tawaran (Tidak Dikembalikan) :
BND1,000.00 - Yuran Tawaran
BND5.00 - E.Dokumen
Jumlah : BND1,005.00

Yuran Dokumen (MINDEF SOR 2019) (Tidak Dikembalikan) :
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **Isnin, 6 Mei 2024**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Jun 2024, jam 2.00 Petang

*Makluman

Untuk dipertimbangkan dalam tawaran ini, setiap penender dimestikan untuk membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' atas nama syarikat mereka sendiri. Jika pernah membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' sebelum ini, penender hendaklah menghadapkan salinan resit pembayaran terdahulu. 'MINDEF SOR 2011 Edition' adalah tidak lagi digunakan.



Tawaran Bagi :

The Two Years (24 Months) Term Contract For Cleaning BDMD Building At Block B23, Flat Anggerek Desa, Simpang 32-37, Kg. Anggerek Desa BB3713 Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-01

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 April 2024



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:

JKP / SH /
2024-2025 / 04

Tajuk Tawaran:

"Provision of Workshop Facilitator Services for Tourism Service Providers Enhancement Program 2024"

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
2 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang



Jabatan Ukur

Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JUA / 02 / 2022

Upgrading And Migrating The Current Geoportal Technology To The Latest Version Hosted At OGPC And NCDB With Support And Maintenance For Survey Department, Ministry Of Development

Yuran Tawaran :

BND1000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen :

BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
4 Jun 2024 bersamaan
26 Zulkaedah 1445H
tidak lewat dari jam 2.00 Petang



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran:

UBD / E8 / 002 / 2024 – (T)

Tajuk Tawaran :

The Supply, Installation, And Training Of A Selective Powder Deposition-Based 3d Metal Printer With The Provision Of Sintering At The Faculty Of Integrated Technologies (Fit), Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Tawaran:

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (termasuk e-Dokumen)
BND15.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
30 April 2024, jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 03

Tajuk Tawaran:
"To Install Signages And information Board At Kampong Ayer Concrete Walkway"



Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
2 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Tarikh Iklan Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III, IV dan V sahaja

Kategori :
KA01, M03 sahaja

Bilangan Tawaran:

JKR / DWS /
011 / 2024

Nama Projek:

Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Stesyen Pengepam Air Utama Daerah Brunei Muara, Tutong, dan Temburong.

Yuran Tawaran :

BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

16 April 2024,
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



جوالن سالىنن كمبر ٢ دىكىتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebij
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebij ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpebrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

PEMASANGAN LAMPU CUCUL MERIAHKAN SUASANA HARI RAYA



KELIHATAN perkarangan rumah dihiasi cahaya lampu cucul yang bergemerlapan dengan penuh warna-warni bagi memeriahkan suasana Hari Raya Aidilfitri (atas dan atas kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 April. - Setiap tahun, Hari Raya Aidilfitri disambut dengan meriah oleh umat Islam di negara ini bagi meraikan kemenangan selepas sebulan menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Antara perkara yang menjadi keutamaan bagi menghidupkan lagi suasana Aidilfitri adalah pemasangan lampu cucul yang menghiasi perkarangan rumah dan bangunan.

Kemeriahan lampu berwarna-warni berkenaan bukan sahaja mewujudkan suasana ceria sambutan Hari Raya, tetapi ia

juga bagi menandakan bahawa pemilik rumah sedang mengalu-alukan kedatangan tetamu apabila dinyalakan pada waktu malam.

Sebelum ini, tradisi menyalakan pelita lazimnya dilakukan oleh masyarakat Melayu di rantau ini setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri bagi menghiasi dan menerangi sekitar rumah dan kampung.

Namun, seiring dengan peredaran masa, tradisi menyalakan lampu pelita telah banyak diganti dengan pemasangan lampu cucul menggunakan tenaga solar yang lebih moden dengan pelbagai warna selain selamat untuk digunakan.

Meskipun begitu, terdapat sesetengah rumah yang masih mengekalkan tradisi penggunaan pelita namun kebanyakan pemilik rumah pada masa ini lebih memilih untuk memasang lampu cucul kerana ia lebih mudah digunakan dan banyak dijual di kedai-kedai dengan harga yang berpatutan.

Apa yang lebih menarik, lampu berkenaan dapat dihias dalam pelbagai corak dan bentuk seperti bulan sabit, ketupat dan bintang yang boleh mengetengahkan kreativiti individu atau pemilik rumah.

Malahan, lampu cucul hiasan berkenaan juga dapat membangkitkan suasana dan menyerikan lagi suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri.



كمترين كصحتين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

- Telesan darah tinggi
- Kolesterol tinggi
- Kencing manis
- Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Tertawu kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

Pemeriksaan kanser kolorektal

Tertawu kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50-74 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus), dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser payudara

Tertawu kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-69 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
4. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser serviks

Tertawu kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 25-69 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

Sampul mini candy jadi tarikan kanak-kanak

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Dayang Rukanil 'Athouf Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 April. - Hari Raya Aidilfitri yang kita sambut sekarang ini seakan ada sesuatu yang baharu sama ada dari segi fesyen pakaian termasuk baju, tudung serta hiasan dekorasi yang mengikut cita rasa terkini. Bukan itu sahaja, rekaan sampul raya juga tidak kurang hebatnya dengan pelbagai *variety* dan kreativiti baik dari segi corak, saiz serta bentuknya.

Pelita Brunei sempat menemui bual salah seorang pengusaha yang membuat sampul *mini candy* sedekah, Dayang Rukanil 'Athouf binti Haji Ali yang setentunya menarik minat terutama sekali kanak-kanak yang begitu teruja dengan tarikan tersendiri mini sampul berkenaan.

Meskipun idea berkenaan diperolehi dari media sosial luar negeri, Dayang Rukanil 'Athouf juga tertarik untuk mencuba dalam membuat *mini* sampul yang kelihatan seperti bungkusan *candy* dengan isian wang di dalam paket tersebut.

Sampul *mini candy* yang dihasilkan tersedia dalam dua ukuran saiznya iaitu 4x2 dan 6x3 serta para pelanggan boleh *customize* dengan pilihan corak atau gambar mengikut cita rasa masing-masing. Sementara harga-harga adalah mengikut reka bentuk yang dipilih dengan satu set terdapat 10 keping di dalamnya.

Setentunya dengan adanya sampul mini itu bukan saja akan memeriahkan hari raya dan kenangan semasa meraikan lebaran terutama sekali membawa kerian hari raya buat kanak-kanak. Sebarang tempahan bolehlah menghubungi Instagram @zahra_planner atau melalui talian WhatsApp +6738184815.

Adapun di hari kemenangan kita ini, mereka yang berkemampuan wajar menghulurkan bantuan sedekah secara tidak langsung melalui pemberian wang menerusi sampul raya agar keberkatan terus di rasa melalui amalan bersedekah.



PELBAGAI *variety* dan kreativiti baik dari segi corak, saiz serta bentuknya sampul *mini candy* yang menjadi tarikan masa kini (atas dan kiri).

IMBASAN MINGGUAN

PERSATUAN Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (PBSM NBD) menerusi Badan Bertindak Bantuan Kemanusiaan dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong menganjurkan Program Iftar Akbar Permata Hijau Daerah Temburong Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Pekan Temburong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abbas

ANTARA yang hadir pada Majlis Tahlil Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar anjuran Jawatankuasa Takmir MRSB Kampung Sungai Akar. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran diselajarkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim anjuran HITUNE Universal Services bertempat di Maszalina Cheenta Hall, The Walk. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

MIRRA Hanna Employment Agency dengan kerjasama Hotel Al-Afiah menganjurkan Sungai Buffet Bersama Anak-anak Yatim di Hotel Al-Afiah, Kiulap. - Foto : Azmah Haji Ahad

MAJLIS mengimarahkan malam terakhir Ramadan dengan acara Qiamullail awal subuh di Masjid Kampung Pintu Malim. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

INDUSTRI KOTEJ

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan The Aftersbox



Kegigihan dua beradik membuat cookies

COOKIES merupakan makanan manis yang enak, rangup dan disukai oleh semua golongan. Lazimnya ia dijadikan kudapan semasa menonton televisyen atau untuk mengalas perut sementara menunggu masa untuk makan makanan berat. Lebih sedap jika disertai dengan minum secawan kopi atau teh panas. Tekstur cookies yang kering membuatnya ia tahan lama jika disimpan. Saiz cookies juga ada yang kecil dan besar.

Permintaan cookies juga sentiasa ada membuatkan pengusaha cookies sering mempelbagaikan rasa malahan juga lebih kreatif di mana cookies tidak hanya semata-mata dibungkus malah packaging cookies turut dipelbagaikan agar nampak menarik.

Industri Kotej kali ini berkesempatan membuat pendekatan dua beradik iaitu Dayangku Nur Huwaina binti Pengiran Yura Hashim, 21 dan Dayangku Nur Amirah binti Pengiran Yura Hashim, 24 yang giat mengusahakan pembuatan cookies dari

rumah.

Walaupun masih menuntut di salah sebuah kolej swasta di negara ini, ia tidak menghalang dua beradik ini membuat cookies dan menjadi pembekal kepada dua buah kafe tempatan iaitu *glashaus. coffee* dan *komma.bn*. Selain itu mereka juga menerima tempahan persendirian dan menyertai beberapa gerai-gerai jualan secara *pop-ups*.

Menurut mereka, semuanya bermula daripada hobi apabila mereka sering memberikan cookies kepada ahli keluarga dan rakan-rakan dan mereka suka kepada rasa cookies yang diberikan. Ini telah memberikan ilham kepada dua beradik ini untuk menjual cookies yang mereka buat.

Mereka memulakan bisnes ini semasa negara dilanda pandemik COVID-19 iaitu pada tahun 2021. Ketika itu kelas dijalankan secara *online* dan mudah bagi mereka membuat cookies pada sebelah malam. Dengan adanya sambutan dari orang ramai, akhirnya pembuatan cookies ini berterusan

hingga kini.

Cookies yang paling digemari pelanggan ialah Smores Cookies. Selain itu mereka mempunyai pelbagai jenis cookies antaranya Nutella Stuffed, Ovomaltine, Oreo Cheese Cake, Nutella Hazelnut, Ferrero Rocher dan Kinder Bueno. Selain cookies, mereka juga ada menjual Brownies. Harga yang dikenakan juga amat berpatutan sekitar BND2.30 hingga BND3.50. Ilham kepelbagaian idea cookies ini juga lazimnya diperoleh dari perkongsian di TikTok.

Adapun tempoh penerimaan tempahan adalah dua hari sebelum tarikh yang dikehendaki. Mereka tidak dibantu oleh sesiapa dan hanya mereka berdua sahaja yang mengusahakan bisnes tersebut.

Dua beradik ini bersyukur kerana usaha mereka ini dapat memberikan pendapatan dan wang belanja untuk mereka tanpa mengharap bantuan dari kedua ibu bapa. Setakat ini mereka selesai mengusahakan bisnes ini dari rumah memandangkan ia

adalah hobi dan mereka masih lagi belajar.

Apabila membuat bisnes dari rumah sememangnya ada cabaran yang dihadapi. Dua beradik ini tidak terkecuali di mana alat membakar tidak cukup dan memakan masa yang banyak jika membuat cookies dalam kuantiti yang banyak.

Setakat ini pembelian bahan mentah seperti mentega, tepung, coklat dan sebagainya adalah dari kedai-kedai tempatan yang menjual bahan bakeri. Dengan kepelbagaian rasa cookies yang mereka buat, menjadikan cookies mereka istimewa dan sesuai dijadikan hadiah melalui packaging yang menarik setentunya menambat hati bagi penerimanya.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan cookies ini, bolehlah menghubungi mereka melalui Instagram *@theaftersbox*. Dua beradik ini juga sentiasa mengemas kini Instagram mereka sekiranya mereka membuat penjualan langsung melalui *pop-ups*.

SALAM DARI PERANTAUAN

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

AIDILFITRI akan sangat bermakna apabila kita berada di samping keluarga dan saat itu merupakan momen paling menggembirakan bagi sama-sama merayakan kemenangan umat Islam. Namun bagi mereka yang berada jauh di perantauan, hanya ucapan Selamat Hari Raya mengubat rindu pada keluarga dan rakan-rakan tercinta.

Dayang Nur Hafizah Al-Islam binti Awang Mahani, Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Rabat, Maghribi :

"Assalamu'alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh, Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar. Saya dan keluarga dari Rabat, Maghribi dengan kerendahan hati dan ketulusan budi menyusun 10 jari memohon maaf zahir dan batin bersempena Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah kepada ahli keluarga kami, sanak saudara, dan rakan taulan yang berada di Negara Brunei Darussalam. Sama-sama kita merayakan hari kemenangan ini dengan penuh rasa syukur dan semoga tali silaturahmi di antara kita semua akan terus kekal terjalin. Semoga Allah menerima segala amal ibadah kita di sepanjang bulan Ramadan dan sentiasa mendapat rahmat, hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamiin."

Awang Muhd. Amirul Fakhruddin bin AmzizulFadzillah, pelajar University of Leicester, United Kingdom dalam bidang Mathematics and Actuarial Science Tahun Kedua :

"Meraikan hari raya di perantauan mungkin satu perkara yang susah dilalui sebagai seorang pelajar yang jauh dari rumah dan keluarga tetapi dengan adanya kawan-kawan di sekeliling, yang boleh dikatakan 'keluarga' saya di perantauan, semangat Aidilfitri tetap ada bagi merayakan hari kemenangan ini. Dengan jumlah 24 pelajar yang sedang belajar di Leicester, saya berharap Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini penuh kemeriahan dan cuba membawa suasana raya seperti di tanah air. Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada keluarga, kawan-kawan dan semua umat Islam di seluruh dunia dengan menyusun 10 jari memohon ampun dan kemaafan."



Dayang Aunizafirah Batrisyia binti Agus Zamri, pelajar Queensland University of Technology (QUT), Brisbane, Australia, dalam jurusan Bachelor of Media and Communication Technology :

"Tahun ini merupakan tahun saya berjauhan dengan keluarga merayakan puasa dan Aidilfitri selama hampir setahun. Memang terasa rindu menjelang Hari Raya Aidilfitri. Walaupun berada di perantauan, semangat menyambut Aidilfitri tetap ada. Pagi raya kami akan mengerjakan Sembahyang Aidilfitri. Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada keluarga dan kawan-kawan di Negara Brunei Darussalam. Semoga raya tahun ini dapat sama-sama memohon kemaafan dan menjalin kasih sayang sesama kita walaupun berjauhan, namun hati tetap selalu mendoakan."



Awang Badri Aiman Khan bin Badrul Zaman Khan, pelajar di Michigan State University, Amerika Syarikat, dalam bidang Data Science :

"Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah tahun kedua saya menyambut Hari Raya di perantauan. Merayakan Hari Raya di luar negara juga memperlihatkan perbezaan yang besar. Meskipun berada di perantauan, semangat dan kehangatan Hari Raya tetap wujud dalam hati ini. Saya bersyukur atas kesempatan untuk terus merayakan tradisi yang saya cintai, meskipun dalam situasi yang berbeza. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin, kepada semua warga Brunei Darussalam. Semoga kebahagiaan dan berkah selalu menyertai kita semua."

Dayang Nuraisha binti Abdul Aziz, wakil mahasiswa UNISSA di University Mohammed V di Rabat, Maghribi :

"Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Mewakili semua mahasiswa di sini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin khususnya kepada keluarga, rakan-rakan dan para pensyarah."



Dayang Nur Farhana Natasha binti Fakhri Zul-Khairi, pelajar University of Cyberjaya, Malaysia, dalam jurusan Bachelor in Occupational Safety and Health (Honours) :

"Assalamualaikum dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Brunei. Ini merupakan pertama kalinya saya menyambut Hari Raya berjauhan dari keluarga, sanak saudara serta kawan-kawan yang dikasihi. Meskipun berjauhan, setiap doa dan kenangan indah membawa kehangatan dalam hati dan memperkuat semangat menyambut Hari Raya. Maaf Zahir dan Batin atas segala kesilapan. Selamat Hari Raya semua! Semoga kebahagiaan dan keberkatan menyertai setiap langkah kita."



44 KES MELIOIDOSIS DIREKODKAN DI SABAH SETAKAT INI



KOTA KINABALU, 13 April. - Sebanyak 44 kes melioidosis direkodkan di Sabah hingga Minggu Epidemiologi (ME) ke-14 tahun ini, kata Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr Asits Sanna.

Beliau berkata ia merupakan peningkatan sebanyak 12.8 peratus berbanding dengan jumlah kes yang dilaporkan pada ME sama pada tahun lepas iaitu sejumlah 39 kes.

Enam daerah tertinggi yang melaporkan kes melioidosis ialah Sandakan (12), Kota Kinabalu (11), Papar (5), Penampang (5), masing-masing dua kes di Sipitang dan Keningau, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mengulas mengenai isu tular melalui Facebook berkenaan Kawalan Persekitaran Bagi Penyakit Berjangkit Melioidosis di Padang Ragbi, Tanjung Aru, beliau berkata pihaknya mengesahkan satu kes penyakit melioidosis di

lokaliti terbabit yang dinotifikasikan pada 11 Mac 2024.

"Sampel tanah telah diambil di lokaliti berkenaan berdasarkan pergerakan kes yang pernah bermain ragbi di padang ragbi itu.

"Satu sampel didapati positif dengan bakteria Burkholderia pseudomallei iaitu agen penyebab kepada penyakit melioidosis. Pesakit telah memberikan sejarah mengalami luka di bahagian kaki semasa bermain ragbi yang mungkin menyebabkan jangkitan kepada beliau," katanya.

Dr Asits berkata penyakit melioidosis ialah sejenis penyakit yang disebabkan oleh jangkitan bakteria Burkholderia pseudomallei yang terdapat di permukaan air dan tanah.

Katanya, manusia boleh dijangkiti penyakit ini apabila terdedah secara langsung kepada tanah dan sumber air yang tercemar dengan bakteria terbabit. Jangkitan sering

berlaku terutamanya sewaktu musim hujan.

"Transmisi jangkitan boleh berlaku melalui saluran pernafasan (debu atau titisan air yang tercemar), terminum air yang tercemar atau melalui luka di kulit.

"Golongan yang berisiko tinggi ialah mereka yang menghidap penyakit kronik seperti kencing manis, penyakit hati, sakit buah pinggang, talasemia, kanser atau lain-lain keadaan daya tahan (imuniti) badan yang rendah," katanya.

Beliau berkata antara gejala yang mungkin dialami adalah seperti demam yang tinggi, sakit sendi, batuk, sakit dada, kudis, bisul, nanah, sakit kepala, tiada selera makan dan rasa lesu seluruh badan.

Penyakit ini menurut beliau, boleh dirawat dengan menggunakan antibiotik tertentu, serta rawatan awal dengan antibiotik adalah perlu bagi mengelakkan pesakit, terutamanya golongan berisiko

tinggi, daripada mendapat jangkitan yang lebih teruk dan mengelakkan daripada kematian.

- ©BERNAMA

Kampung Datu Lama akan dibangun semula - Abang Johari

SIBU, 14 April. - Kerajaan Sarawak akan membangunkan semula Kampung Datu Lama yang merupakan perkampungan tradisional Melayu di Sibu dengan prasarana moden dan mengekalkan ciri-ciri serta budaya asal kampung berkenaan.

Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata usaha membangunkan semula kampung tradisional itu diputuskan selepas perbincangan beliau bersama pemimpin daerah itu sebelum ini.

"Kita (kerajaan) nak bangun semula Kampung Datu Lama dan mengekalkan apa yang ada tetapi mesti ada pembaharuan. Kita mesti memodenkan kawasan kampung dan pertahankan ciri-ciri dan budaya yang ada di Kampung Datu Lama dan sekitarnya. Ciri-ciri ini menggambarkan budaya yang diwarisi di Kampung Datu.

"Kalau pembangunan Darul Hana di Kuching boleh dibuat, saya yakin pembangunan semula Kampung Datu di Sibu pun boleh dibuat," katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Tamah Hari Raya Aidilfitri Bahagian Sibu di sini malam tadi.

Abang Johari berkata pembangunan semula kampung terbabit yang merangkumi kawasan dari Masjid An-Nur hingga ke tebing Sungai Igan juga akan menyaksikan pembinaan rumah-rumah dengan reka bentuk moden yang lebih selamat serta selesa.

"Kita akan mencantikkan tebingan Sungai Igan, kita akan buat tebingan dengan ciri-ciri tarikan dan di tebingan sungai pula akan dibangun sebuah pusat konvensyen," katanya.

Sementara itu, beliau berkata Kerajaan Sarawak telah siap merancang pelan induk pembangunan semula Bukit Assek, Sibu dan segala butiran akan siap pada suku pertama 2025 manakala pelaksanaan dibahagikan kepada empat fasa akan bermula pada 2026.

Menurut Abang Johari pembangunan semula Bukit Assek akan mengambil masa selama 15 tahun dan dijangka selesai pada 2040 sekali gus menyaksikan perubahan besar kepada bandar Sibu secara keseluruhan. - ©BERNAMA

Penyakit bawaan air merebak di Gaza susulan cuaca panas dan air tercemar

GENEVA, 13 April. - Penyakit bawaan air sedang merebak di Gaza berikutan kekurangan air bersih dan suhu yang meningkat, menurut Penyelaras Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Jamie McGoldrick berkata: "Keadaan semakin panas di sini. Penduduk mendapat air yang semakin kurang daripada yang diperlukan dan natijahnya penyakit bawaan air tersebar kerana kekurangan air yang bersih dan selamat diminum dan gangguan dalam sistem sanitasi.

Kami perlu mencari jalan dalam beberapa bulan akan datang bagaimana kami boleh mendapat bekalan air yang lebih baik ke kawasan ini yang sesak dengan manusia pada masa ini," katanya selepas melakukan lawatan terakhirnya ke Gaza.

Air tercemar dan kerosakan sistem sanitasi dikaitkan dengan penyakit seperti kolera, cirit-birit, disenteri dan hepatitis A, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia. - ©BERNAMA

tahunan Songkran menarik ribuan pelancong dari seluruh dunia untuk menyambut perayaan itu.

Selain daripada pertempuran air, warga tempatan juga menyambut Songkran dengan mengunjungi wat untuk melakukan acara memandikan patung Buddha. Semasa upacara ini air wangi dicurahkan ke atas patung-patung itu sebagai simbolik kepada pencucian dosa daripada tahun

lepas.

Selain daripada itu, ahli keluarga yang lebih muda menyiram air di tangan dan kaki mereka yang lebih tua sebagai tanda hormat.

Pesta Songkran tahun ini menyaksikan ramai yang mengambil peluang untuk balik ke wilayah masing-masing bagi menyambut cuti hujung minggu yang panjang bersama anggota keluarga mereka. - ©BERNAMA

Tourism Malaysia promosikan budaya sarapan pagi di Malaysia Travel Escapade di Singapura

SINGAPURA, 13 April. - Sarapan pagi kegemaran rakyat Malaysia mencuri perhatian pengunjung di Malaysia Travel Escapade 2024 yang dianjurkan buat julung kalinya di Suntec City Mall di sini dari 12 hingga 14 April.

Aroma nasi lemak dan roti canai selain daripada bak kut teh menggunakan ayam, membangkitkan selera dan menarik minat pengunjung untuk mencuba sendiri cita rasa warisan kulineri Malaysia di dalam pameran pelancongan selama tiga hari itu.

Timbalan Pengarah Tourism Malaysia Singapura, Mohana Murni Shanmugam berkata budaya sarapan Malaysia dipilih untuk diketengahkan di pameran pelancongan ini sejajar dengan permohonan kerajaan untuk menyenaraikannya sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

"Kami rasa teruja untuk mengetengahkan budaya sarapan pagi Malaysia dan memberikan peluang kepada pengunjung kulineri tulen kegemaran Malaysia.

Kami percaya budaya sarapan pagi Malaysia adalah unik dan menjadi sebahagian daripada warisan negara, dan wajar diiktiraf dan dipromosikan dalam persiapan menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026, katanya kepada Bernama di sini pada Sabtu.

Pengunjung juga berpeluang menyaksikan demonstrasi pembuatan teh tarik secara langsung oleh Raja Teh Tarik, Fakir Mohd Jamal Mohd dari Kedah yang mempamerkan kesenian dalam menghasilkan teh tarik yang merupakan minuman ikonik di Malaysia.

Mohana Murni berkata pada tahun ini Malaysia menyasarkan untuk menyambut ketibaan 27.3 juta pelancong antarabangsa dengan 10 juta daripadanya ialah dari Singapura, menjana perolehan sebanyak RM102.7 bilion menerusi pelancongan.

Beliau berkata pada tahun lepas Singapura merupakan sumber teratas pasaran pelancong ke Malaysia menyumbang sebanyak 8.3 juta ketibaan pelawat.

Dalam Tahun Melawat Malaysia 2026, sejumlah 35.6 juta pelancong

disasarkan tiba dengan membawa unjuran perolehan sebanyak RM147.1 bilion, katanya.

Malaysia Travel Escapade 2024 juga menawarkan sedikit sebanyak gambaran kebudayaan Malaysia yang dinamik daripada pameran kraf tangan tradisional dan produk termasuk lada hitam Sarawak, gula apong dan gula kelapa selain daripada perkhidmatan spa yang menyegarkan tubuh daripada kelesuan, ihsan daripada Persatuan Spa Malaysia (AMSPA).

Pengurus Spa Manja Roselyn berkata antara tawaran dalam pameran itu termasuk pakej dua jam bernilai S\$48 untuk pelanggan spa itu yang berada di Johor Bahru.

"Pelanggan kami adalah 50:50 antara orang tempatan dan Singapura. Spa merupakan satu daripada tarikan utama untuk warga Singapura semasa mereka melawat Malaysia. Pameran ini memberikan peluang kepada kami untuk mempromosi produk kami dan pengalaman spa Malaysia kepada warga Singapura dan membantu meningkatkan pelancongan di Malaysia," katanya. - ©BERNAMA

Ribuan pengunjung 'bertempur' menggunakan air sempena pesta Songkran

BANGKOK, 13 April. - Ribuan pengunjung memakai baju berbunga-bunga sambil membawa pistol dan senapang air berwarna-warni memenuhi Jalan Silom, Jalan Khaosan dan kebanyakan pusat beli-belah di sini untuk menyambut Songkran atau Tahun Baharu Thai.

Buat kali pertama tahun ini, Songkran di Thailand tersenarai sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Cuti umum sempena Songkran tahun ini adalah yang terpanjang selepas kabinet Thailand meluluskan cuti lima hari dari 12 hingga 16 April.

Kebanyakan pusat beli-belah di Thailand melakukan persiapan bukan sahaja dengan menyediakan

tangki air untuk peserta pesta untuk mengisi air, tetapi termasuk gelongsor air, kolam renang dan kolam kanak-kanak untuk peserta menyejukkan badan dalam waktu musim panas ini.

Bob Blevins, 38 seorang pelancong dari California Amerika Syarikat yang akan berada di sini sehingga Isnin berkata inilah kali pertama dalam seumur hidupnya dia terlibat dalam 'pertempuran' menggunakan air di jalanan.

"Saya merancang untuk menghadiri satu majlis perkahwinan di Bali, Indonesia penghujung bulan ini dan saya dinasihatkan oleh rakan saya supaya menyertai Songkran sebelum berlepas ke Indonesia.

Saya tidak pernah tahu mengenai Songkran sehinggalah seorang kawan saya memberitahu mengenainya dan lihat sekarang

saya amat menyukainya. Saya juga belajar Songkran sebenarnya ialah Tahun Baharu Thai dan air digunakan untuk mencuci nasib malang," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Jalan Khaosan di sini hari ini.

Jalan Khaosan di sini sibuk sejak semalam dengan ribuan peserta pesta memenuhi daerah popular pelancong beg galas itu untuk bertempur menggunakan air bagi menyambut Songkran.

Sebagai sebahagian daripada budaya dan tradisi Thai, adalah menjadi adat mereka untuk menyambut tahun baharu itu dengan menyimbah air terhadap satu sama lain bagi mencuci dosa dan nasib malang dengan mempercayai ini akan membawa tuah dan rahmat untuk tahun mendatang.

Digelar sebagai pertempuran air terbesar di dunia, pesta



'YUZA SAN' KONGSI BUDAYA MASYARAKAT MAJMUH MALAYSIA MENERUSI MAJLIS PERBANDARAN HIOKI

PUTRAJAYA, 14 April. - Selepas mendapat banyak pendedahan mengenai Malaysia, ramai penduduk Hioki, sebuah bandar kecil di Wilayah Kagoshima, Jepun dilihat amat berminat dengan kebudayaan dan warisan negara, menurut pegawai hubungan antarabangsa di Majlis Perbandaran Hioki, Yuzairi Abdul Rahim.

Beliau berkata ramai penduduk bandar itu yang ditemuinya mengumpamakan perkenalan dengan Malaysia 'bagaikan jatuh cinta pandang pertama'.

Mengakui kebanyakan masyarakat Jepun masih tidak mengenali Malaysia dan kebudayaannya, Yuzairi yang telah bersama dengan Majlis Perbandaran itu sejak Ogos lepas berkata beliau bertekad untuk

memberi lebih banyak pendedahan dan maklumat kepada lebih ramai masyarakat di negara matahari terbit itu mengenai keindahan budaya serta makanan Malaysia.

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan 'Yuza san' (san - encik dalam bahasa Jepun) dalam kalangan penduduk Hioki berkata, beliau telah menghadiri hampir 30 kelas khas di bandar itu sepanjang tempoh bekerja di sana, dan banyak terlibat dalam majlis-majlis masyarakat setempat, dengan membawa pelbagai budaya Malaysia untuk diperkenalkan.

Anak kelahiran Kedah berumur 41 tahun itu berkata beliau turut berkongsi cita rasa masakan Malaysia seperti nasi goreng, nasi lemak, pisang goreng dan karpap serta tarian tradisional dalam setiap

acara masyarakat setempat yang disertainya, dengan membuka reruai.

Selain itu Yuzairi berkata beliau juga membawa pakaian tradisional Malaysia ketika menghadiri program di sekolah-sekolah rendah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak Jepun melihat dan memperagakan keunikan pakaian tradisional Malaysia.

Beliau berkata mulanya masyarakat Jepun memang agak kekok dengan budaya Malaysia, malah ada segelintir yang langsung tidak tahu wujudnya sebuah negara bernama Malaysia, namun setelah hampir lapan bulan berkongsi budaya Malaysia dengan semua lapisan masyarakat dari kanak-kanak hingga ke warga emas di bandar ini, kini semakin ramai yang ingin melawat dan melihat Malaysia dengan mata sendiri.

"Kita tahu orang Malaysia memang suka dengan budaya Jepun, cuma tidak ramai yang ada kesempatan untuk perkenal dan berkongsi budaya Malaysia dengan orang Jepun secara mendalam.

"Keunikan budaya kita memang buat orang Jepun terpesona dan semakin suka dengan negara kita," kata bapa kepada dua orang anak itu kepada Bernama menerusi aplikasi WhatsApp, di sini hari ini.

Anak perantau selama 13 tahun itu berkata kebanyakan masyarakat sangat tertarik dengan kepelbagaian jenis makanan di Malaysia serta kagum masyarakatnya yang berbilang bangsa dan agama, tetapi hidup dalam harmoni dan hati budi orang Malaysia yang baik serta rendah diri.

Dengan niat untuk menjadi perantara untuk menghubungkan dan mengeratkan hubungan antara Malaysia dan Jepun, Yuzairi berkata beliau juga ingin memberi pendedahan kepada masyarakat Malaysia supaya meneroka Jepun bukan sahaja di bandar-bandar besar seperti di Tokyo dan Osaka tetapi sangat berbaloi untuk merasai suasana budaya perkampungan di Jepun seperti Hioki.

Yuzairi berkata sekolah-sekolah di Hioki mempunyai silibus pendedahan hubungan antarabangsa yang diadakan setahun sekali dan Penyelaras Hubungan Antarabangsa (CIR) akan membuat perancangan pembelajaran kepada mana-mana pihak yang berminat untuk mengenali dunia luar dengan lebih dekat.

"Pada mulanya kekoklah sebab kurang pendedahan pasal budaya Malaysia, tetapi sekali dah kenal mereka memang suka sangat dan kagum. Cuaca negara kita yang panas sepanjang tahun, kedudukan Malaysia (di peta dunia) dan bahasa yang dituturkan di Malaysia pun (ramai) mereka tidak tahu. Semuanya macam ilmu pengetahuan baharu buat mereka," katanya.

Yuzairi berkata penduduk tempatan Hioki tidak kira muda atau warga emas akan diberi peluang melawat Malaysia dua tahun sekali dan bandar Hioki akan menaja separuh daripada perbelanjaan itu, sambil menambah tahun ini ada satu kumpulan akan melawat Malaysia pada bulan Ogos nanti.

Pengalaman beliau di Jepun bermula apabila beliau diterima

untuk belajar di Universiti Yamanashi pada 2002, dan kemudiannya beliau menyambung pelajaran sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD), dan pernah bekerja sebagai jurutera selama empat tahun.

Beliau kembali ke Malaysia dan bekerja sebagai pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Mekanikal, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dari 2017 hingga 2023.

Memandangkan budaya Jepun yang memukau, Yuzairi berkata beliau mencuba nasib apabila Kedutaan Jepun di Malaysia membuka permohonan untuk jawatan pegawai hubungan luar di Hioki, dan ternyata jodohnya dengan negara matahari terbit memang ada apabila diberi peluang sekali lagi kembali ke Jepun pada Ogos tahun lepas.

Beliau berkata isteri dan dua anaknya yang masing-masing berumur tujuh dan 10 tahun kini berada di Jepun dan hasratnya adalah melihat anak-anaknya yang akan mula bersekolah pada April ini.

Harapan Yuzairi, anak-anaknya fasih berbahasa Jepun serta mengenali budaya Jepun dengan mendalam dan lebih ramai rakyat Jepun jatuh cinta dengan Malaysia dan budayanya.

Yuzairi mula berkongsi kehidupannya di Hioki menerusi aplikasi TikTok dan mendapat perhatian menerusi satu video klip bertajuk 'Hubungan Antarabangsa Cilik Malaysia-Jepun' yang memaparkan kanak-kanak dilihat teruja dengan budaya Malaysia. - ©BERNAMA

Pembinaan kereta kabel Bukit Bendera bermula sebulan lagi – Exco

GEORGE TOWN, 14 April. - Kerja-kerja pembinaan kereta kabel Bukit Bendera di sini dijangka bermula pada penghujung Mei atau awal Jun ini dan siap sepenuhnya dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Pulau Pinang, Zairil Khir Johari berkata ketika ini Perbadanan Bukit Bendera sedang menjalankan Penilaian Impak Trafik untuk membolehkan projek itu dimulakan.

Beliau berkata kebenaran merancang bagi projek mega Kerajaan Negeri Pulau Pinang bernilai RM250 hingga RM300 juta itu telah diluluskan Januari lepas.

"Kita telah mendapat kelulusan daripada semua pihak antaranya Penilaian Kesan Alam Sekitar dari Jabatan Alam Sekitar, Majlis Perancangan Fizikal Negara, kebenaran merancang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Penilaian Kesan Sosial (SIA) bagi menjalankan projek itu," katanya selepas menghadiri Karnival Raya Aidilfitri Parlimen Bukit Bendera di Sekolah Kebangsaan Jalan Residensi di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, Pengerusi DAP Kebangsaan, Lim Guan Eng dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Syerleena Abdul Rashid.

Zairil berkata jajaran kereta kabel sepanjang 2.7 kilometer itu akan bermula di Taman Botani sehingga ke puncak Bukit Bendera dan akan memberi impak pelancongan di kawasan sekitar.

"Perjalanan ke puncak akan mengambil masa kira-kira 10 minit sahaja iaitu masa yang sama diambil jika pengunjung menaiki kereta api funikular ke puncak berkenaan dan ia merupakan alternatif terutama ketika musim cuti sekolah yang selalunya sesak sehingga perlu menunggu lama," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan projek kereta kabel Bukit Bendera secara Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) itu merupakan mod pengangkutan yang paling mesra alam.

Mengulas mengenai segelintir pihak dan pertubuhan bukan kerajaan yang masih menentang projek kereta kabel itu, Zairil berkata kerajaan negeri sentiasa mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan berhubung pelaksanaan projek berkenaan.

"Tidak ada undang-undang yang kita tidak ikuti, semua kelulusan juga telah diperolehi malah projek ini juga ialah projek mesra alam malah kesannya kepada alam sekitar amat minimum, bilangan pokok yang dipotong juga sedikit dan tidak ada pokok warisan yang akan dipotong," katanya.

Syarikat gerabak dan perkhidmatan rel bersepadu terkemuka Hartasuma Sdn. Bhd. memenangi projek kereta kabel itu dengan pelaburan RM250 juta yang dibuat menerusi inisiatif perkongsian awam swasta dengan Kerajaan Pulau Pinang.

Permohonan cadangan (RFP) bagi perkhidmatan kereta kabel Bukit Bendera bermula pada 13 Januari 2021 dan dilanjutkan hingga 30 November 2022 berikutan pandemik COVID-19. - ©BERNAMA

Malaysia menyeru semua supaya pihak tidak memburukkan lagi keadaan di Timur Tengah

PUTRAJAYA, 14 April. - Malaysia menggesa semua pihak di rantau yang terlibat untuk mengelak dan berhati-hati agar tidak memburukkan lagi keadaan yang sedia tegang di rantau Timur Tengah berikutan serangan Iran ke atas Israel, awal Ahad.

Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan dalam satu kenyataan pada Ahad menggesa pihak-pihak yang berkenaan untuk meredakan persengketaan dan mewujudkan persekitaran yang diperlukan untuk menamatkan konflik ini dengan segera.

"Malaysia mengulangi bahawa objektif utama adalah untuk mencari keamanan dan penyelesaian kekal kepada nasib rakyat Palestin, bukannya memanjangkan lagi konflik," katanya. Agensi Anadolu dalam laporannya memetik tentera Israel berkata Iran menyerang Israel dengan 290 misil dan dron, termasuk 100 misil balistik.

Iran memulakan serangan udara ke atas Israel pada Sabtu sebagai tindak balas terhadap serangan udara pada 1 April ke atas kemudahan diplomatik Iran di Damsyik, Syria. Serangan itu mengorbankan sekurang-kurangnya

tujuh staf Kor Pengawal Revolusi Iran termasuk dua jeneral utama.

Tehran mendakwa Israel melakukan serangan itu dan berikrar akan bertindak balas. Tel Aviv tidak mengaku bertanggungjawab terhadap serangan itu secara rasmi tetapi Iran dan sekutu rapatnya di Lubnan, Hizbollah sebelum ini berkata mereka tidak akan berdiam diri terhadap serangan itu.

Mengulas lanjut perkembangan itu, Mohamad berkata serangan Iran itu adalah serangan balas terhadap serangan bom awal oleh rejim Israel terhadap kemudahan diplomatik Iran di Damsyik pada 1 April 2024. Iran menyatakan bahawa ini merupakan tindakan bela diri berdasarkan kepada Piagam 51 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata setelah serangan berakhir, Iran menerusi Perutusan Tetapnya di PBB mengumumkan bahawa ia menganggap tindakannya terhadap Israel dibenarkan dan "dianggap selesai".

Namun, beliau berkata Iran menegaskan sekiranya rejim Israel atau sekutunya "melakukan sekali

lagi kesalahan, tindak balas Iran akan jauh lebih berat" ini akan menyebabkan serangan yang tidak berpuas hati.

Menurut Mohamad lagi sebarang bentuk provokasi dan/atau tindakan balas akan memburukkan lagi konflik di wilayah berkaitan tidak akan memberi manfaat kepada Palestin kerana matlamat utama Israel adalah jelas iaitu mengalihkan perhatian masyarakat global daripada tindakan keji dan tidak berperikemanusiaan mereka di Palestin.

Beliau berkata masyarakat antarabangsa juga diingatkan supaya tidak terlepas pandang matlamat untuk memastikan kemerdekaan rakyat Palestin dan hak milik ke atas tanah mereka sendiri.

"Malaysia seterusnya menyahut seruan Setiausaha Agung PBB untuk menghentikan dan menamatkan permusuhan ini dengan serta merta.

Sebarang bentuk serangan, ofensif atau defensif, akan membawa implikasi yang jika ia tidak dikawal akhirnya akan menyebabkan kematian lebih ramai lagi mereka yang tidak bersalah," katanya. - ©BERNAMA

KPM perluas pengambiln calon guru PISMP kepada lepasan STPM, STAM, Matrikulasi

KUALA LUMPUR, 13 April. - Kementerian Pendidikan (KPM) telah mengambil inisiatif memperluaskan pengambilan calon guru tajaan kementerian itu bagi mengikuti latihan pra perkhidmatan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan

(PISMP) mulai ambilan tahun ini.

KPM dalam kenyataan hari ini memaklumkan ia diperluaskan kepada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Program

Matrikulasi.

KPM menyebut ini bagi membuka peluang kepada lebih ramai calon yang berminat menjadi guru untuk memohon kemasukan ke program PISMP.

Selain itu, ia juga dapat memastikan calon terbaik dipilih bagi mengikuti

program itu.

"Inisiatif ini membuktikan komitmen berterusan KPM dalam menangani isu kekurangan guru selain memastikan kualiti calon guru terbaik yang dapat menyumbang kepada agenda reformasi pendidikan negara," menurut kenyataan

itu.

Kenyataan itu menyebut calon yang terpilih akan dilatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam pelbagai bidang pengkhususan untuk tempoh kursus selama empat tahun. - ©BERNAMA

SIA, SCOOT ELAK LALU RUANG UDARA IRAN BERIKUTAN KETEGANGAN YANG MENINGKAT DI TIMUR TENGAH



SINGAPURA, 14 April. - syarikat penerbangan subsidiari Singapore Airlines (SIA) dan kos rendahnya, Scoot telah

menghentikan penerbangan di ruang udara Iran selepas Iran melancarkan serangan langsung ke atas wilayah Israel buat kali pertama pada Sabtu, menurut laporan media tempatan.

The Straits Times yang memetik Jurucakap SIA berkata kedua-dua SIA dan Scoot menggunakan laluan penerbangan alternatif berkuat kuasa dari 1 tengah hari pada 13 April sebagai langkah berjaga-jaga.

"Kami memantau rapi keadaan di Timur Tengah dan akan melaraskan laluan penerbangan seperti yang diperlukan," kata jurucakap itu.

Agensi Berita Republik Islam Iran (IRNA) melaporkan bahawa Angkatan Aeroangkasa Kor Pengawal Revolusi Iran (IRGC) melancarkan sejumlah misil ke atas sasaran tertentu di dalam wilayah diduduki Israel.

IRGC berkata serangan itu

sebagai tindak balas terhadap 'banyak sekali jenayah' dilakukan Israel, termasuk serangan ke atas Kedutaan Iran di Damsyik minggu lepas.

Menurut laporan media antarabangsa, selain Israel beberapa negara di Timur Tengah juga telah menutup sementara ruang udara mereka berikutan peningkatan ketegangan di rantau itu termasuk di Jordan, Iraq dan Lubnan. - ©BERNAMA

Singapura zahirkan kebimbangan terhadap pergolakan di Timur Tengah

SINGAPURA, 14 April. - Singapura masih lagi bimbang dengan pergolakan di Timur Tengah serta keadaan berbahaya berterusan berikutan serangan di Gaza yang boleh mencetuskan konflik serantau yang lebih besar ekoran serangan udara Iran ke atas Israel.

Jurucakap Kementerian Luar (MFA) berkata peningkatan serangan ini menjadikan ketegangan itu bertambah buruk dan menyahstabilkan lagi rantau yang sememang tegang itu dan menyeru semua pihak supaya menahan diri ke tahap maksimum dan mengelakkan daripada mengambil sebarang tindakan yang boleh memburukkan lagi keadaan.

Jurucakap itu dalam satu kenyataan pada Ahad berkata tumpuan seharusnya kepada usaha mewujudkan gencatan senjata, pembebasan segera tanpa syarat tawanan, dan penyampaian bantuan kemanusiaan yang segera, selamat dan lancar kepada penduduk terjejas di Gaza.

Terdahulu MFA menasihatkan rakyat Singapura untuk menanggukkan semua perjalanan ke Iran berikutan keadaan keselamatan terkini. - ©BERNAMA

Warga Singapura dinasihatkan supaya tangguh semua perjalanan ke Iran - Kementerian Luar

SINGAPURA, 14 April. - Singapura menasihatkan rakyatnya supaya menanggukkan semua perjalanan ke Iran 'berikutan keadaan keselamatan terkini,' kata Kementerian Luarnya (MFA) pada Ahad.

MFA dalam nasihat perjalanannya untuk Iran juga meminta warga Singapura yang kini berada di negara-negara Timur Tengah untuk sentiasa berwaspada dan memantau perkembangan semasa dengan rapi.

"Singapura tidak mempunyai perwakilan diplomatik di Iran, yang menghadkan keupayaan kami memberikan bantuan konsular dalam kecemasan," katanya sambil menambah mereka yang memerlukan bantuan konsular di Iran boleh menghubungi Pejabat Bertugas 24-jam MFA.

MFA juga menggalakkan rakyat Singapura supaya melakukan pendaftaran elektronik (eRegister) dengan kementerian itu di <https://eregister.mfa.gov.sg> supaya mereka boleh dihubungi sekiranya ada keperluan.

Nasihat perjalanan itu dikeluarkan selepas Iran melancarkan serangan langsung buat kali pertama ke atas Israel pada Sabtu.

Agensi Berita Republik Islam Iran (IRNA) melaporkan bahawa Angkatan Aeroangkasa Kor Pengawal Revolusi Iran (IRGC) melancarkan sejumlah misil ke atas sasaran tertentu di dalam wilayah diduduki Israel.

IRGC berkata serangan itu sebagai tindak balas terhadap 'banyak sekali jenayah' dilakukan Israel, termasuk serangan ke atas Kedutaan Iran di Damsyik minggu lepas. - ©BERNAMA

Cuaca panas : Bomba rekod lebih 200 kes kebakaran terbuka di Kelantan

KOTA BHARU, 14 April. - Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan merekodkan 232 kes kebakaran terbuka dalam tempoh lapan hari sejak 4 April lepas berikutan cuaca panas atau pembakaran terbuka oleh individu.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Kelantan Mohd Wildan Azhari berkata 38 lokasi panas kebakaran terbuka dikenal pasti melibatkan 12 lokasi di Pasir Puteh, lapan di Bachok dan masing-masing enam lokasi di Pasir Mas, Kota Bharu serta Gua Musang.

Beliau berkata secara keseluruhan bomba menerima laporan 752 kes kebakaran terbuka dalam tempoh empat bulan bermula Januari lepas, yakni satu jumlah yang agak tinggi memandangkan sepanjang tahun lepas 814 kes kebakaran terbuka dicatatkan di Kelantan. "Bomba menerima panggilan kecemasan hampir setiap hari berhubung kebakaran terbuka," katanya kepada Bernama hari ini.

Bagi mengurangkan masalah kebakaran terbuka, beliau berkata pihaknya sering menjalankan rondaan serta memberi khidmat nasihat kepada orang awam mengenai bahaya kebakaran terbuka, selain turut mengawal cuti anggota bagi tujuan penugasan. - ©BERNAMA

Malaysia keluarkan nasihat perjalanan untuk empat negara

PUTRAJAYA, 14 April. - Malaysia sedang memantau rapi perkembangan di Timur Tengah susulan ketegangan terbaharu di antara Iran dan Israel dan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyatnya di rantau berkenaan.

Kementerian Luar (Wisma Putra) dalam satu kenyataan pada Ahad berkata akibat keadaan yang semakin tegang, beberapa negara termasuk Iran, Jordan, Lubnan dan Iraq telah menutup ruang udara mereka.

"Warganegara Malaysia di negara-negara berkenaan perlu bersedia menghadapi gangguan pada jadual penerbangan dan merancang perjalanan mereka sewajarnya," katanya.

Wisma Putra juga menasihatkan rakyat Malaysia di rantau itu supaya sentiasa berwaspada dan mengetahui perkembangan semasa serta mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan.

Menurut kenyataan itu rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan ketika berada di rantau itu boleh menghubungi kedutaan atau konsulat Malaysia terdekat seperti butiran berikut :

Kedutaan Besar Malaysia di Tehran, Iran: No 25, 2nd Alley, North Zarafshan St., Shahrak-e-Gharb atau di talian : +98 21 88072444 atau +98 21 88078606. E-mel : mwtehran@kln.gov.my dan mwconsular.teh@gmail.com.

Kedutaan Besar Malaysia

di Amman, Jordan: No. 5, Hassan Al Kayed street, off Abai street, Abdoun, Amman 11183, Jordan. atau di talian : +962 6590 2400 atau +962 78590 2400. E-mel : mwamman@kln.gov.my dan uhev@kln.gov.my.

Kedutaan Besar Malaysia di Beirut, Lubnan : Lot 170, Saad Zaghloul street, Downtown, Beirut, Lubnan atau di talian : +961 71 380 063 atau +961 7677 2527. E-mel: mwbeirut@kln.gov.my

Kedutaan Besar Malaysia di Baghdad, Iraq: Mezzanine Floor, Babylon Rotana Hotel, Al Abassi street, Al Jadria, Baghdad, Iraq atau di talian : +964 786 497 0086 atau +964 786 497 0087. E-mel : mwbaghdad@kln.gov.my. - ©BERNAMA

Cuaca panas : KKM rekod 45 kes penyakit berkaitan haba setakat semalam

PUTRAJAYA, 14 April. - Sebanyak 45 kes penyakit berkaitan haba dilaporkan di seluruh negara setakat semalam melibatkan 33 kes kelesuan haba, 11 kes strok haba dan satu kes kejang haba.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata lapan kes masing-masing dilaporkan di Perak dan Kedah, manakala enam di Selangor.

Beliau berkata lima kes masing-masing pula dicatatkan di Johor, Negeri Sembilan dan Pahang, empat kes direkodkan di Sabah, dua kes di Perlis dan masing-masing satu kes di Pulau Pinang dan Kelantan.

"Secara kumulatif, dua kes kematian akibat strok haba telah dilaporkan. Kes kematian pertama ialah seorang lelaki berumur 22 tahun dan kes kematian kedua melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berumur tiga tahun di Kelantan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dr. Muhammad Radzi berkata pada masa ini, terdapat empat kes yang masih mendapat rawatan di hospital iaitu satu kes strok haba yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiga kes dirawat di wad biasa yang terdiri daripada dua kes

strok haba dan satu kes kelesuan haba.

"Kes-kes lain telah sembuh dan didiscaj. Kes yang dirawat di ICU melibatkan seorang lelaki berumur 24 tahun di Negeri Sembilan telah dimasukkan ke ICU Hospital Port Dickson semenjak 10 Mac lepas dan telah dipindahkan ke ICU Hospital Tuanku Jaafar, Seremban pada 5 April," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr. Muhammad Radzi berkata Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan agar semua pihak meneruskan langkah berjaga-jaga dengan memastikan tahap hidrasi yang mencukupi dan mengurangkan aktiviti fizikal lasak, serta aktiviti-aktiviti di luar rumah pada musim cuaca panas sekarang.

Beliau meminta orang awam agar mengelakkan diri daripada terdedah kepada cuaca panas, banyakkan berteduh dan berehat lebih kerap semasa cuaca panas, memilih untuk melakukan ziarah pada waktu kurang panas atau waktu malam terutama ketika mengunjungi sanak saudara dan rakan taulan semasa perayaan.

KKM menjalankan pemantauan penyakit berkaitan cuaca panas susulan amaran dikeluarkan

Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) semalam bahawa kawasan yang berada pada Tahap Amaran 1 iaitu berjaga-jaga dengan suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut adalah di seluruh Perlis; Kedah melibatkan Pulau Langkawi, Kubang Pasu, Kota Setar, Pendang, Yan, Kuala Muda, Kulim, Bandar Baharu, Baling, Padang Terap, Sik; dan Timur Laut di Pulau Pinang.

Turut terjejas ialah Perak merangkumi Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Kinta; Gua Musang di Kelantan; Raub di Pahang; Limbang di Sarawak; serta Sabah membabitkan Tenom, Beaufort dan Tuaran.

Satu kawasan direkodkan berada pada Tahap Amaran 2 iaitu gelombang haba dengan suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut iaitu Pokok Sena di Kedah.

Pada masa yang sama, METMalaysia juga menjangkakan cuaca kering dan panas dengan suhu melebihi 35°C masih berlaku di kebanyakan tempat di Semenanjung dan Sabah hingga pertengahan April 2024. - ©BERNAMA



MUHAMMAD AZEEM, RAKAN UNGGULI 4X100M DI FLORIDA

KUALA LUMPUR, 14 April. - Pelari pecut sensasi negara, Muhammad Azeem Mohd Fahmi terus menampilkan larian bertenaga bagi membantu kuartet 4x100 meter (m) lelaki Universiti Auburn meraih emas pada Kejohanan Olahraga Jemputan Tom Jones Memorial 2024 di Gainesville, Florida, Amerika Syarikat, Sabtu.

Pemenang gangsa 100m lelaki Sukan Asia Hangzhou 2022 yang berlari bersama Favour Ashe, Dario Matau dan

Kanyinsola Ajayi, merekodkan 38.64 saat (s) yang juga catatan semusim terbaik mereka untuk mengungguli saingan tersebut, menurut laman web <https://live.pttiming.com>.

Mereka mengatasi pencabar terdekat Louisiana State University (LSU) yang dibarisi Myles Thomas, Shakeem McKay, Da'Marcus Fleming dan Godson Oghenebrume untuk pingat perak menerusi catatan 38.93s.

Kuartet University of Kentucky diwakili

Shavique Bascus, Clinton Muunga, Miles Jones, Kennedy Lightner pula terpaksa berpuas hati dengan pingat gangsa selepas melakukan catatan 38.96s.

Keputusan dilakar Muhammad Azeem merupakan kemenangan keduanya bersama kuartet Universiti Auburn dalam tempoh sebulan selepas mereka muncul juara dengan catatan masa 38.74s pada kejohanan Yellow Jacket Invitational di Georgia Tech, Georgia.

Dalam pada itu, pelumba berusia 19

tahun tersebut menampilkan prestasi kurang memberangsangkan pada acara 100m di Florida apabila sekadar menduduki tempat ketujuh pada saringan dua, menerusi catatan 10.44s sekali gus berada di kedudukan ke-22 secara keseluruhan dalam kalangan 75 peserta.

Pencapaian tersebut dilihat agak merudum, mengambil kira kejayaannya merangkul gangsa dengan pecutan 10.38s pada kejohanan Yellow Jacket Invitational. - ©BERNAMA

Skuad hoki ais lelaki negara tekad buru pingat sulung di Kuwait

PUTRAJAYA, 14 April. - Selepas pulang dengan tangan kosong pada dua saingan lepas, skuad hoki ais lelaki negara kini membulatkan tekad untuk bekerja keras bagi membawa pulang pingat pada Kejohanan Hoki Ais Dunia Divisyen IV di Kuwait City, Kuwait yang berlangsung dari 16 hingga 19 April ini.

Penolong pengurus pasukan kebangsaan Muhd Fadzli Amin Muhd Yusoff optimis sasaran itu mampu dicapai skuad kebangsaan pada penampilan ketiga kejohanan berkenaan memandangkan mereka telah menjalani persediaan rapi sejak November lepas.

"Berdasarkan komitmen tinggi para pemain negara serta pelbagai program disusun barisan kejurulatihan, saya harap pemain dapat berikan persembahan terbaik di Kuwait.

"Walaupun kita kurang bernasib baik pada dua edisi lepas, namun kesemua pemain kini dilihat bersemangat memperbaiki prestasi dengan membawa pulang pingat dan seterusnya menjadi detik bersejarah buat sukan hoki ais negara," katanya ketika ditemui pada sesi latihan di sini.

Malaysia yang membuat penampilan sulung pada tahun 2022 meraih tempat keempat pada Divisyen IV berlangsung di Bishkek, Kyrgyzstan dan seterusnya dinaikkan ke Divisyen III B di Sarajevo, Bosnia dan Herzegovina tahun lepas.

Bagaimanapun skuad negara gagal menyerlah dan tewas di kesemua lima perlawanan pada Divisyen III B dengan menduduki tempat tercorot, sekali gus diturunkan kembali ke Divisyen IV tahun ini. Muhd Fadzli mengakui persediaan kurang rapi pasukan kebangsaan merupakan antara punca utama kegagalan mereka pada saingan di Sarajevo.

Justeru beliau berkata Persekutuan Hoki Ais Malaysia telah mengorak langkah dengan melantik Mikhail Dolinin dari Rusia sebagai ketua jurulatih pasukan hoki ais lelaki kebangsaan untuk tempoh dua tahun bermula November lepas.

Katanya pengalaman jurulatih berusia 34 tahun beraksi dalam pelbagai saingan antarabangsa sebelum ini amat ditagih pihaknya bagi meningkatkan prestasi Malaysia di pentas dunia selepas ini.

Selain Dolinin, Muhd Fadzli berkata

Sze Fei-Nur Izzuddin selangkah rangkul juara BAC 2024

KUALA LUMPUR, 13 April. - Beregu lelaki negara, Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani hanya selangkah lagi untuk merangkul gelaran juara Kejohanan Badminton Asia (BAC) 2024 di Ningbo, China.

Gandingan itu mara ke pentas final selepas menidakkan kemaraan pasangan senegara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik 21-14, 21-18 dalam pertarungan selama 40 minit pada aksi separuh akhir di Gimnasium Pusat Sukan Olimpik Ningbo hari ini.

Ia kemenangan kedua pasangan 'ranking' ke-19 dunia itu ke atas Aaron-Wooi Yik yang juga beregu lelaki

utama negara selepas kali terakhir melakukannya pada Terbuka Jerman 2019.

Menanti mereka di final ialah antara beregu tuan rumah Liang Wei Keng-Wang Chang dan beregu Taiwan Lee Jhe Huei-Yang Po Hsuan yang beraksi dalam satu lagi aksi separuh akhir hari ini.

Kali terakhir Malaysia muncul juara beregu lelaki saingan BAC adalah pada edisi 2007 di Johor Bahru menerusi kejayaan Choong Tan Fook-Lee Wan Wah yang menewaskan rakan sepasukan Koo Kien Keat-Tan Boon Heong 21-14, 11-21, 21-12. - ©BERNAMA

mereka turut merekrut khidmat rakan senegaranya, Artem Bortovskiy serta warga Jepun, Kazunori Miura, yang akan bertindak sebagai pembantu jurulatih skuad negara.

Sementara itu menurutnya beliau menjangka skuad negara bakal berdepan cabaran getir dari Mongolia dan tuan rumah pada saingan empat pasukan

dalam Divisyen IV yang turut disertai Indonesia.

Malaysia akan membuka tirai kempen Kejohanan Hoki Ais Dunia Divisyen IV di Kuwait Ice Skating Rink berdepan tuan rumah pada 16 April diikuti menentang Indonesia (18 April) dan mengakhiri saingan bertemu Mongolia (19 April). - ©BERNAMA